

J®- PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI SELASA: 15 MARCH 2011

**CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN
MALAYSIA.**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 9 HINGGA 74)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8

[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

NO SOALAN : 9

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA YB DATUK RAIME BIN UNGGI (TENOM)

TARIKH 15.03.2011
(SELASA)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan setakat ini berapakah jumlah tentera Malaysia yang terlibat dalam misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang dihantar ke luar negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penglibatan Malaysia dalam misi Pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah bermula sejak tahun 1960-an lagi yang bermula di Congo. Sehingga kini, Malaysia telah terlibat dalam tujuh misi pengaman PBB yang melibatkan lebih kurang 21,000 pegawai dan anggota ATM. Penglibatan terbesar negara setakat ini ialah dalam misi PBB di Bosnia Herzegovina sebagai United Nations Protection Force (UNPROFOR) bermula 5 Dis 1993 hingga 18 Jul 1998 dan United Nations Operations In Somalia II (UNOSOM) mulai 18 Jun 1993 hingga 28 Feb 1995.

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN-
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**TARIKH
SOALAN**

JAWAB LISAN

TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI)

15 MAC 2011 (ISNIN)

TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan keberkesanan tonik tanaman padi yang disyorkan penggunaannya kepada pesawah dan apakah Kementerian membuat kajian yang terperinci sebelum membekalkannya kepada pesawah.

JAWAPAN OLEH

**Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Di dalam skim Insentif Pengeluaran Padi, tonik tanaman mula dibekalkan kepada pesawah daripada tahun 2007. Tonik tanaman ini mengandungi kalsium, klorida dan unsur-unsur mikro seperti zink, kuprum, boron dan manganese. Tonik tanaman yang dibekalkan adalah untuk semburan bagi meningkatkan rintangan terhadap serangan penyakit kulat dan bakteria serta meningkatkan kualiti biji padi. Kajian keberkesanan tonik tanaman ini telah dilakukan sebelum disyor kepada pesawah. Tonik tanaman ini didapati memberikan kesan positif kepada tanaman.

SOALAN NO: 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN DATUK AARON AGO ANAK DAGANG

TARIKH: 15 MAC 2011

SOALAN:

Tuan Datuk Aaron Ago anak Dagang minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan hasil yang diperolehi oleh Kementerian daripada makmal gaji minima negara yang telah diadakan baru-baru ini. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan bagi melaksanakan cadangan-cadangan makmal tersebut.

PR-000-L41957

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Makmal Gaji Minimum anjuran Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama Bank Dunia telah diadakan dari 7 hingga 14 Februari 2011 di *Putrajaya International Convention Centre* sebagai sebahagian daripada proses Kajian Gaji Minimum yang sedang dijalankan oleh KSM. Makmal ini telah disertai lebih 200 orang rakan sosial dan *stakeholders* yang terdiri daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara, Exco-exco Sumber Manusia Kerajaan Negeri, wakil kesatuan sekerja, persatuan majikan, persatuan pembiagaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), wakil agensi-agensi Kerajaan, ahli akademik dan individu-individu. Selain itu, hari terbuka gaji minimum juga telah diadakan pada 12 Februari 2011 bagi memberi peluang kepada orang ramai memberi pandangan dan input mereka terhadap mekanisme pelaksanaan gaji minimum.

Makmal berkenaan telah membincangkan persoalan mengenai skop liputan gaji minimum, mandat dan struktur Majlis Konsultasi Gaji Negara yang akan ditubuhkan bagi mengadakan penyelidikan, penganalisisan dan menetapkan indikator-indikator

ekonomi sebelum cadangan kadar gaji minimum dikemukakan kepada Kerajaan untuk pertimbangan. Makmal ini turut membincangkan perkara berkenaan penguatkuasaan gaji minimum dan lain-lain perkara yang berkaitan.

Hasil Makmal tersebut merupakan sebahagian input penting kepada Kerajaan bagi penubuhan Majlis Konsultasi Gaji Negara dan jawatankuasa teknikal bagi membuat deliberasi tentang kadar dan liputan gaji minimum. Selain itu, input daripada makmal itu akan dijadikan intipati dalam menggubal rang undang-undang Majlis Konsultasi Gaji Negara yang akan dibentangkan pada sesi Parlimen akan datang.

Selain itu, hasil maklum balas makmal tersebut berserta kajian yang dijalankan oleh Bank Dunia akan turut menjadi asas kepada perbincangan dan deliberasi berkenaan gaji minimum oleh Majlis Konsultasi Gaji Negara. Kajian oleh Bank Dunia turut menganalisis secara terperinci implikasi pelaksanaan dasar gaji minimum ke atas pasaran buruh, produktiviti, pelaburan dan perbelanjaan Kerajaan.

SOALAN NO: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PAD A	DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
	[KUALA SELANGOR]
TARIKH	: 15 MAC 2011 [SELASA]

SOALAN:

YB Dr. Haji Dzulkefly Bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang pertikaian kehilangan RM52 bilion dari pegangan ekuiti Melayu dan bagaimana prestasi Ekuinas bagi memacu kembali pegangan ekuiti Melayu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kenyataan Ahli Yang Berhormat mengenai kehilangan pegangan ekuiti Melayu adalah merujuk kepada kajian ke atas Garis Panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing, iaitu salah satu instrumen untuk meningkatkan penyertaan dan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam ekonomi.

Kajian dilaksanakan pada tahun 2005 dan melibatkan 3,000 transaksi syarikat yang dikenakan syarat supaya mempunyai 30 peratus ekuiti Bumiputera. Kajian mendapati pengenaan syarat ekuiti melibatkan sejumlah RM54 bilion. Memandangkan saham tersebut adalah milik syarikat atau persendirian dan transaksi jual beli saham adalah berdasarkan, dengan izin, *willing buyer* dan *willing seller*, Kerajaan tidak berkuasa untuk menyekat transaksi jual beli saham kepada bukan Bumiputera. Hasil kajian tersebut mendapati pegangan ekuiti Bumiputera hanya berbaki RM2 bilion dan pengurangan tersebut bukanlah satu ‘kehilangan’ seperti dakwaan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang Di-Pertua,

Penubuhan Ekuinas adalah satu mekanisme baru bagi menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam bidang ekonomi dan dilaksanakan berasaskan pendekatan meritokrasi untuk meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat bagi bidang-bidang yang telah dikenalpasti. Terdapat dua kategori pelaburan yang dilaksanakan oleh Ekuinas iaitu pelaburan secara langsung dan pelaburan secara penyumberan luar atau dengan izin, *outsourcing*.

Pelaburan langsung didefinisikan sebagai pelaburan dalam syarikat Bumiputera yang berpotensi tinggi, pembelian (*buy-out*) syarikat tempatan yang mantap dan pembelian aset atau syarikat bukan teras daripada syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), syarikat awam berhad (PLC) dan syarikat multi nasional (MNC).

Sejak beroperasi pada bulan September 2009, Ekuinas telah menerima serta menilai 227 cadangan perniagaan daripada syarikat yang memerlukan suntikan modal. Setelah melalui proses penilaian, empat buah syarikat telah dipilih dengan jumlah pelaburan RM482.68 juta seperti berikut:

Syarikat	RM Juta
1. Alliance Cosmetics Group	39.88
2. Tanjung Offshore Berhad	99.80
3. Konsortium Logistik Berhad	241.00
4. Asia Pacific Institute Of Technology Sdn. Bhd./University College of Technology and Innovation (APIIT/UCTI)	102.00
Jumlah	482.68

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi pelaburan secara penyumberan luar pula, pemilihan firma dilaksanakan selaras dengan amalan terbaik antarabangsa dan syarikat yang dipilih memenuhi kriteria seperti yang ditetapkan oleh Ekuinas. Sehubungan itu, tiga firma yang telah berjaya dilantik sebagai Pengurus Dana Terpilih adalah seperti berikut:

Syarikat

1. CIMB Private Equity Sdn. Bhd.
2. KFH Asset Management Sdn. Bhd.
3. Navis Capital Partners

Ekuinas telah memberi mandat pelaburan sebanyak RM400 juta manakala tiga firma ini telah berjaya mendapat pelaburan persendirian sebanyak RM113 juta lagi. Ini bermakna dana terbentuk sebanyak RM513 juta yang akan dilabur di dalam syarikat berpotensi besar untuk 2-3 tahun akan datang.

Kriteria pemilihan firma sebagai Pengurus Dana adalah berdasarkan rekod prestasi pelaburan firma yang kukuh, pengalaman pelaburan kumpulan, proses pelaburan yang telus, keupayaan firma mengumpulkan dana modal persendirian dan kesesuaian operasi firma dengan garis panduan pelaburan Ekuinas.

Tuan Yang di-Pertua,

Dengan memberi penekanan kepada aspek penguasaan dan pengekalan pemilikan

ekuiti, Kerajaan yakin pemilikan ekuiti Bumiputera boleh dipertingkatkan melalui pelaburan Ekuinas. Prinsip pemilihan *investee company* yang berasaskan meritokrasi dan kewibawaan syarikat dapat menyumbang kepada peningkatan pemilikan ekuiti Bumiputera yang lebih bermakna dan berkekalan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK MD. SIRAT BIN ABU

TARIKH 15.03.2011 (SELASA)

NO. SOALAN

DATUK MD. SIRAT BIN ABU *la* minta MENTERI PERDAGANGAN ANTAR ABAN GS A DAN INDUSTRI menyatakan berapakah jumlah Pelaburan Langsung Asing (FDI) berbanding jumlah pelaburan dalam negara secara langsung (DDI) sepanjang tempoh lima tahun yang lalu hingga kini mengikut negeri.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tahun 2006 hingga 2010, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan adalah sebanyak RM246.2 billion melalui 4,615 projek pengilangan. Daripada jumlah tersebut, RM150.9 billion

(61.3%) merupakan pelaburan asing manakala RM95.3 billion

(38.7%) merupakan pelaburan domestik.

Pecahan pelaburan yang diluluskan mengikut tahun adalah:

RM45.9 bilion pada tahun 2006;

- RM59.9 bilion pada tahun 2007;
- RM62.7 bilion pada tahun 2008;
- RM32.6 bilion pada tahun 2009; dan
- ⑧ RM47.2 bilion bagi tahun 2010.

Pecahan pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan mengikut negeri dari tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti berikut:

- bagi negeri Johor, jumlah FDI adalah sebanyak RM26.9 bilion manakala jumlah DPI adalah sebanyak RM13.3 bilion;
- bagi negeri Selangor, jumlah FDI adalah sebanyak RM24.6 bilion manakala jumlah DPI adalah sebanyak RM21.1 bilion;
- e bagi negeri Pulau Pinang, jumlah FDI adalah sebanyak RM24.0 bilion manakala jumlah DDI adalah sebanyak RM10.6 bilion;

- bagi negeri Sarawak, jumlah FDI adalah sebanyak RM23.2 bilion manakala jumlah DPI adalah sebanyak RM6.2 bilion;
- ® bagi negeri Kedah, jumlah FDI adalah sebanyak RM12.9 bilion manakala jumlah DPI adalah sebanyak RM17.0 bilion;
- bagi negeri Sabah, jumlah FDI adalah sebanyak RM9.0 bilion manakala jumlah DPI adalah sebanyak RM7.2 bilion;
 - bagi negeri Melaka, jumlah FD] adalah sebanyak RM8.4 bilion manakala jumlah PPI adalah sebanyak RM3.0 bilion;
 - bagi negeri Terengganu, jumlah FDI adalah sebanyak RM6.4 bilion manakala jumlah DPI adalah sebanyak RM6.5 bilion;
 - bagi negeri Perak, jumlah FPj adalah sebanyak RM6.3 bilion manakala jumlah PPI adalah sebanyak RM3.9 bilion;
 - bagi negeri Negeri Sembilan, jumlah FPI adalah sebanyak RM4.9 bilion manakala jumlah DPI adalah sebanyak RM2.9 bilion:

bagi negeri Pahang, jumlah FDI adalah sebanyak RM3.3 bilion manakala jumlah DPI adalah sebanyak RM2.8 bilion;

bagi negeri Perlis, jumlah FPI adalah sebanyak RM167.8 juta manakala jumlah DPI adalah sebanyak RM102.2 juta; dan

bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, jumlah FPI adalah sebanyak RM476.7 juta manakala jumlah PPI adalah sebanyak RM448.1 juta.

NO SOALAN : 14

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARI PADA

YB TUAN WONG HO LENG (SIBU)

TARIKH

**15.03.2011
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan kejayaan Program Latihan Khidmat Negara, kos tahunan yang terlibat, elauan yang dibayar kepada setiap pelatih, dan mengapa semua ahli pasukan dihukum atas kesalahan seorang pelatih.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kejayaan Program Latihan Khidmat Negara sentiasa diukur dan dinilai dari semasa ke semasa. Menerusi Kajian Persepsi Pelatih dari tahun 2004 hingga 2010 mencatatkan purata pencapaian program dalam meningkatkan semangat patriotisme sebanyak 87.05%, semangat kesukarelaan sebanyak 85.56%, peningkatan jati diri pelatih sebanyak 91.19%, mewujudkan integrasi kaum sesama pelatih sebanyak 89.29% dan lain-lain faedah berdasarkan objektif pelaksanaan PLKN adalah 87.63%.

Selain itu, Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah melaksanakan Kajian Keberkesanan PLKN mulai 1 November hingga 7 Disember 2009. Kajian melibatkan seramai 61,950 orang responden yang terdiri daripada

bekas pelatih, ibu bapa, majikan dan masyarakat umum. Hasil penilaian menunjukkan PLKN sangat berkesan terhadap semua komponen yang dinilai iaitu komponen patriotisme (86.93%), komponen perpaduan kaum (88.86%), komponen perwatakan positif (80.78%), Semangat kesukarelaan (79.85%) dan komponen cergas, cerdas dan berkeyakinan diri (86.86%). Secara keseluruhannya, PLKN telah berjaya mencapai objektifnya berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan serta berjaya memupuk semangat kesetiaan dan kecintaan kepada Negara dengan pencapaian purata (84.65%).

Tuan Yang di-Pertua,

PLKN telah membelanjakan lebih RM600 juta dalam tempoh setahun. Elaun yang dibayar kepada setiap pelatih untuk satu sesi latihan pula adalah sebanyak RM450.00.

Tuan Yang di-Pertua,

JLKN tidak mengeluarkan sebarang arahan atau dasar berkaitan pengurusan disiplin pelatih yang melibatkan ahli pasukan dihukum atas kesalahan seorang pelatih. Hukuman akan dikenakan kepada seorang pelatih yang melakukan kesalahan disiplin setelah pelatih dihadapkan ke Lembaga Pengurusan Disiplin di peringkat kem dan didapati bersalah. Hukuman yang dikenakan kepada semua ahli pasukan adalah tindakan berbentuk peringatan yang diambil ke atas pelatih semasa sesi pembelajaran atau latihan. Tindakan ini dikenakan oleh jurulatih sebagai kaedah pembelajaran dan ingatan untuk semua pelatih bekerjasama dan bantu membantu sebagai sebuah pasukan. Pihak pengurusan Kem PLKN telah diberi tanggungjawab untuk mengolah kaedah menyampaikan latihan dan menguruskan disiplin pelatih asalkan latihan atau aktiviti atau tindakan yang dikenakan kepada pelatih tidak menyalahi Akta Latihan Khidmat Negara 2003 serta mematuhi arahan semasa yang dikeluarkan oleh JLKN.

Soalan No :15

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARI PADA : Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL
(LIBARAN)
TARIKH : 15.03.02
SOALAN:

Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan senarai projek pembinaan sekolah dan program pendidikan yang akan dilaksanakan:-

- (a) mengikut perancangan sepanjang Rancangan Malaysia ke-Sepuluh (RMK-10) di Sabah; dan
- (b) SMK Gum-Gum 11, adakah tersenarai dalam RKM-10, kalau ada, bila dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

- (a) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah merancang untuk mengadakan pelbagai program bagi memenuhi keperluan serta meningkatkan kemudahan infrastruktur pendidikan di negeri Sabah melalui Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10). Sebanyak 647 projek telah dicadangkan dalam RMKe-10 dengan anggaran kos sebanyak RM 1.278 bilion.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SMK Gum-Gum II tidak tersenarai dalam RMKe-10 memandangkan terdapat keperluan lain yang lebih mendesak. Antara keutamaan pembangunan pendidikan yang diberikan perhatian oleh Kementerian adalah kepada sekolah yang tidak selamat untuk

diduduki dan juga sekolah yang dilanda banjir. Walau bagaimanapun, permohonan boleh diajukan kepada JPN Sabah dan dipanjangkan kepada Bahagian di KPM jika terdapat keperluan mendesak untuk dicadangkan dalam 2nd Rolling Plan RMKe-10 kelak.

SOALAN NO : 16

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN
DARIPADA TUAN MOHSIN FADZIL BIN HAJI
TARIKH SAMSURI [BAGAN SERAI]
15 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

TUAN MOHSIN FADZIL BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah mekanisme yang diguna pakai oleh Kerajaan dalam usaha meningkatkan pendapatan rakyat dan pada masa yang sama negara mengalami kenaikan harga bagi barang keperluan asas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai mekanisme dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh telah dilaksanakan dalam usaha Kerajaan meningkatkan tahap pendapatan rakyat terutamanya bagi kumpulan isi rumah 40% terendah. Antara strategi utama yang dilaksanakan:

- i. Membina keupayaan dan meningkatkan potensi menjana pendapatan melalui pendidikan, latihan kemahiran dan program keusahawanan;
- ii. Menyediakan kemudahan sokongan kepada aktiviti keusahawanan seperti akses kepada pinjaman, ruang perniagaan dan pemasaran;
- iii. Mewujudkan lebih banyak peluang bagi pekerjaan berpendapatan tinggi terutamanya di sektor swasta seperti pelaksanaan projek di bawah program transformasi ekonomi; dan
- iv. Melaksana program khusus untuk kumpulan sasar yang mempunyai keperluan tertentu.

Secara spesifik, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat dan Program AZAM Tani dilaksanakan dengan tujuan untuk membantu pengusaha dan pekerja sektor industri asas tani meningkatkan pendapatan mereka dan pelaksanaannya disokong oleh pelbagai agensi seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang bertanggungjawab mengukuh pemasaran dan promosi produk. Bagi program AZAM Khidmat dan program usahawan, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan MARA akan membantu mewujudkan enterpis baru dalam sektor perkhidmatan yang dapat menyokong keperluan tenaga kerja pasaran sedia ada.

Melalui program seperti AZAM Kerja dan JobsMalaysia, kumpulan isi rumah 40 peratus terendah diberi keutamaan dalam memperoleh peluang-peluang pekerjaan bersesuaian dengan kelayakan minimum atau kemahiran asas. Usaha ini disokong secara berterusan dengan program latihan dan kemahiran di bawah pelbagai agensi yang berkaitan.

Kerajaan juga telah menyediakan kemudahan kredit mikro melalui pelbagai agensi seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), Bank Simpanan Nasional (BSN), Agrobank serta MARA dalam membantu usahawan kecil meningkatkan pendapatan dan seterusnya memperbesarkan entiti perniagaan mereka. Kemudahan berkenaan disusuli dengan sistem pemantauan bagi memastikan usahawan kekal konsisten dan mampu membayar balik pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar dan prihatin terhadap masalah yang dihadapi rakyat akibat kenaikan harga barang keperluan asas. Ia merupakan fenomena yang berlaku di seluruh dunia berikutan kenaikan harga minyak dunia dan pengeluaran komoditi makanan yang terjejas akibat bencana alam. Kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif untuk meminimumkan impak negatif kepada rakyat. Antara langkah yang dilaksanakan:

- i. Mengekal harga runcit petrol terutamanya RON95 agar tidak memberi

- implikasi besar kepada kadar inflasi walaupun terpaksa menambah RM4 bilion kepada peruntukan RM10 bilion yang disediakan dalam Bajet 2011;
- ii. Memastikan harga barang keperluan harian seperti beras, gula, tepung gandum dan minyak masak dikawal dan jumlah bekalan yang mencukupi;
 - iii. Pemberian subsidi elektrik kepada rakyat miskin bagi menampung bil bulanan yang tidak melebihi RM20 sebulan. Sejak tahun 1997, Kerajaan juga tidak menaikkan tarif elektrik bagi pengguna domestik di bawah 200/kWh sebulan dan kenaikan minimal jika penggunaan melebihi 200/kWh sebulan; dan
 - iv. Kadar tol di empat lebuhraya milik PLUS Expressway Berhad tidak akan dinaikkan bagi tempoh 5 tahun akan datang.

Usaha-usaha di atas merupakan antara inisiatif Kerajaan dalam memastikan pertumbuhan ekonomi negara sentiasa positif di samping memastikan keseimbangan agihan kekayaan negara dinikmati oleh pelbagai lapisan rakyat. Dengan petunjuk ekonomi yang semakin baik dan usaha yang berterusan, Kerajaan yakin pendapatan rakyat secara umum akan meningkat dan mampu menampung peningkatan harga barang keperluan semasa. Namun begitu, pengguna perlulah memainkan peranan masing-masing dengan mengamalkan perbelanjaan secara berhemat seperti berkongsi pembelian secara borong, mengelakkan pembelian yang tidak dirancang serta mengelakkan pembaziran dalam berbelanja.

SOALAN NO. 17

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA

DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID

PEMBERITAHUAN

[PADANG BESAR]

PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

15 MAC 2011 (SELASA)

TARIKH

SOALAN

DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID [PADANG BESAR] minta PERDANA MENTERI menyatakan kaedah pendaftaran kemiskinan di bawah sistem e-kasih telah mendapat rungutan dari berbagai pihak. Apakah masalah yang sebenarnya, agar sebarang kekeliruan dapat difahami disemua peringkat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Sistem e-Kasih adalah merupakan satu pangkalan data berpusat kemiskinan nasional yang mendaftarkan maklumat rakyat yang miskin tegar, miskin dan mudah miskin. Sistem ini merekodkan perubahan status Ketua Isi Rumah (KIR) berdasarkan kepada formula pendapatan perkapita. Ia juga digunakan bagi membantu merancang, melaksana dan memantau program pembasmian kemiskinan di seluruh negara. Terdapat pelbagai cara bagaimana pendaftaran ringkas e-Kasih dapat dibuat sama ada melalui agensi-agensi kerajaan secara manual dan dipanjangkan kepada Pejabat Pembangunan Persekutuan di semua negeri atau melalui Sistem e-Kasih secara atas talian (online) di alamat www.ekasih.gov.my. Pendaftaran ringkas secara online boleh dilakukan oleh KIR, ketua-ketua masyarakat, wakil-wakil rakyat dan sesiapa sahaja yang boleh bertindak sebagai **pelapor** kepada insiden-insiden kemiskinan yang ditemui.

Semua data pendaftaran ringkas ini akan dibanci dan menjalani proses verifikasi terlebih dahulu sebelum data dan maklumat dimasukkan ke dalam pangkalan data Sistem e-Kasih. Data dan maklumat yang dimasukkan ke dalam e-Kasih adalah berdasarkan kepada Banci Isi Rumah Miskin (BIRM). BIRM adalah program band dengan pendekatan isi rumah dan bukan individu. Ia dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS) dengan hasil banci diserahkan kepada ICU JPM sebagai input utama kepada e-Kasih.

BIRM pada asalnya mempunyai dua (2) fasa. **BIRM Fasa I** dijalankan secara menyeluruh merangkumi kawasan bandar dan luar bandar bermula Disember 2007 sehingga Jun 2008 dengan kerangka secara khusus diperolehi berdasarkan kepada senarai terkini Urban Poverty Information System (UPIS) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Sistem Program Kesejahteraan Rakyat (SPKR) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) pada masa itu. BIRM Fasa I juga dijalankan dengan merangkumi kawasan ‘pockets of poverty’ (kawasan berpendapatan rendah dan kawasan sekitarnya berdasarkan Penyiasatan Pendapatan Isirumah (HIS) yang dijalankan oleh DOS) bagi memantapkan kerangka e-Kasih. Walaubagaimanapun, terdapat kawasan yang tidak diliputi, iaitu kawasan perkampungan Orang Asli, kawasan FELDA dan kawasan estet atau ladang yang mempunyai pentadbiran sendiri. Bagi memantapkan senarai di dalam e-Kasih, **BIRM Fasa II** telah dijalankan bermula Januari 2008 sehingga Julai 2009 dengan verifikasi dilakukan terhadap senarai (yang dianggap miskin) yang diterima daripada pelbagai agensi di peringkat negeri.

Pada masa ini, verifikasi BIRM Fasa I dan II telahpun selesai dijalankan dan kategori penama-penama di dalam e-Kasih telahpun dapat ditentukan sama ada ia dibawah kategori miskin tegar, miskin atau mudah miskin. Agensi-agensi pemberi bantuan juga dapat mengambil nama-nama ini untuk diberikan bantuan secara terus tanpa perlu lagi mendapatkan pengesahan daripada mana-mana pihak kerana data yang ada di dalam eKasih adalah data yang sahih dan tidak mempunyai sebarang pertikaian lagi di peringkat akar umbi kerana ia telahpun menjalani sesi saringan secara bincian dan verifikasi yang khusus termasuklah diluluskan di dalam mesyuarat Focus Group Pembasmian Kemiskinan di peringkat negeri. Pada masa ini, Pejabat Pembangunan Persekutuan di seluruh negara sedang mengambil tindakan banci dan verifikasi bagi kes-kes pendaftaran terbuka tahun

2010.

Tuan Yang Dipertua,

Di peringkat awal pelaksanaan e-Kasih, terdapat beberapa maklumbalas negatif tentang sistem ini seperti maklumat tidak lengkap, status yang berubah, alamat tidak wujud dan sebagainya namun ia telah dapat diatasi oleh pihak ICU JPM. Pada peringkat sekarang, e-Kasih telahpun dijadikan panduan dan rujukan kepada agensi-agensi pemberi bantuan sama ada kerajaan, swasta dan juga NGO bagi mendapatkan senarai nama rakyat miskin bagi sesuatu projek / program pembasmian kemiskinan.

Kerajaan tidak menolak kemungkinan-kemungkinan bahawa masih ada lagi rakyat miskin yang belum dibenci walaupun telah didaftar ringkas akibat daripada keadaan geografi kawasan yang sukar dihubungi seperti pedalaman di Sabah dan Sarawak serta kawasan setinggan. Namun begitu cubaan untuk berhubung dengan individu-individu ini sentiasa diteruskan supaya mereka tidak tercicir daripada beroleh manfaat daripada projek / program yang dijalankan oleh kerajaan bagi membasmikan kemiskinan.

SJ.B/(19)

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

TUAN WEE CHOO KEONG

(WANGSA MAJU)

PERTANYAAN :

LISAN

TARIKH

15.03.2011


Tuan Wee Choo Keong (Wangsa Maju) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan memandangkan trend-trend masa kini di mana mahkamah telah mengenakan denda yang tidak setimpal

terhadap kes-kes melibatkan manipulasi pasaran saham, pengumuman kenyataan yang tidak benar / palsu oleh pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia, sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang sekuriti yang sedia ada dengan mengenakan hukuman penjara mandatori terhadap jenayah kolar putih ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kes-kes yang melibatkan manipulasi pasaran saham dan pengumuman kenyataan palsu oleh pengarah dan pegawai syarikat tersenarai merupakan jenayah serius



A handwritten signature in black ink, appearing to be a stylized 'A' or similar character, followed by the numbers '13/1'.

yang boleh menjaskan keyakinan pelabur serta integriti pasaran saham. Oleh sebab itu, Suruhanjaya Sekuriti telah mengambil beberapa langkah untuk memperkuatkannya tadbir urus korporat (*corporate governance*) di Malaysia. Dalam hal ini, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 memperuntukkan hukuman-hukuman tertentu bersabit dengan salah laku pasaran. Bagi kes manipulasi pasaran saham, hukuman penjara tidak melebihi 10 tahun atau denda tidak kurang daripada RM1 juta atau kedua-duanya. Bagi kesalahan mengemukakan maklumat palsu, hukuman penjara tidak melebihi 10 tahun dan denda tidak melebihi RM3 juta dikenakan kepada pesalah.

2. Mahkamah juga turut mengenakan² hukuman yang lebih berat terhadap pesalah-pesalah kesalahan sekuriti. Sebagai contoh, Mahkamah Rayuan baru-baru ini telah bersetuju dengan hukuman yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi dan

Mahkamah Sesyen yang mengenakan hukuman penjara 3 tahun dan denda RM1 juta ke atas seorang bekas remisier atas kesalahan memberikan maklumat palsu kepada pelanggannya berkenaan dengan pembelian saham.

3. Mahkamah Tinggi pada 11 Januari 2011 pula, telah menambah hukuman denda sebanyak RM300,000 dengan mengenakan hukuman penjara selama 6 bulan ke atas dua orang pengarah syarikat tersenarai kerana memberikan maklumat mengelirukan kepada Bursa Malaysia. Maklumat mengelirukan ini terkandung di dalam pernyataan kewangan syarikat tersebut. Sementara Mahkamah Sesyen pada 7 Januari 2011 mengenakan hukuman penjara 2 tahun dan denda RM3 juta ke atas seorang individu atas kesalahan manipulasi pasaran. Seorang lagi

dikenakan hukuman penjara 3 bulan dan denda RM2 juta atas kesalahan yang sama.

4. Di samping hukuman-hukuman tersebut, pihak Kerajaan sentiasa berusaha membuat semakan undang-undang sedia ada bagi memastikan undang-undang sekuriti sentiasa relevan dan sejajar dengan pembangunan pasaran modal negara. Ini termasuklah semakan terhadap peruntukan penguatkuasaan undang-undang sekuriti.

SOALAN NO : 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]
TARIKH	15 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN:

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah strategi dan langkah Kerajaan bagi meningkatkan dan mencambahkan lagi jumlah dan kepakaran syarikat-syarikat industri kecil dan sederhana (IKS) di dalam industri aeroangkasa negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai strategi bagi meningkatkan dan mencambahkan lagi jumlah dan kepakaran syarikat-syarikat industri kecil dan sederhana di dalam industri aeroangkasa negara. Antaranya, Kerajaan telah menyediakan:

- 1) pemudahan perniagaan bagi IKS untuk menceburi bidang ini seperti pemadanan perniagaan (*business matching*) dan pameran produk serta perkhidmatan IKS kepada syarikat aeroangkasa.
- 2) menyediakan peruntukan dan program latihan bagi membolehkan IKS membekalkan produk serta perkhidmatan yang menepati piawaian industri. mewujudkan peluang perniagaan kepada IKS melalui program *offsets* yang diadakan apabila Kerajaan membuat pembelian dari syarikat aeroangkasa global. Sebagai contoh, syarikat pembekal perlu menyediakan 50 peratus daripada nilai barang dan perkhidmatan asing yang dibeli oleh MINDEF sebagai *offsets* iaitu perjanjian untuk membeli barang dan perkhidmatan Malaysia.

SOALAN NO: 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN CHARLESANTHONY A/L R.SANTIAGO

TARIKH: 17 MAC 2011

SOALAN:

Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan formula dan kriteria yang digunakan oleh Kementerian dalam menentukan gaji minima untuk sesuatu industri.

PR-000-L42106

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menentukan Gaji MinimumKebangsaan, Kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan Majlis Konsultasi Gaji Negara.Majlis ini akan dilantik berdasarkan prinsip “*Tripartism*” yang akan diwakili oleh wakil pekerja, wakil majikan, wakil agensi-agensi Kerajaan serta individu-individu berkecuali. Majlis inilah yang akan mengumpul, menyelidik dan menganalisa data serta maklumat berhubung gaji dan indikator-indikator sosio ekonomi sebelum syor gaji minimum dikemukakan kepada Kerajaan untuk diputuskan dan dilaksanakan. Penentuan formula dan kriteria dalam penetapan gaji minimum sama ada berdasarkan nasional, regional, sektoral atau sub sektoral dan lain- lain perkara akan ditentukan oleh majlis ini setelah mendapat semua input termasuk input hasil kajian yang sedang dijalankan oleh Bank Dunia.

Malahan majlis ini juga akan dipertanggungjawabkan untuk meyelaras, memantau dan menilai impak pelaksanaan gaji minimum kelak.

NO. SOALAN : 21

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
(KINABATANGAN)

TARIKH

15 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

Datuk Bung Moktar bin Radin minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) pengkhususan secara realistik dalam mencapai agenda penubuhan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan tumpuan Kerajaan dalam mengangkat tahap kecapaian ekonomi Bumiputera terutamanya dari negeri Sabah dan luar bandar khususnya; dan
- (b) apakah kayu ukur dalam memastikan kejayaan Kerajaan melahirkan usahawan Bumiputera yang berjaya di seluruh negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Kerajaan akan terus komited untuk meningkatkan pembangunan sosioekonomi Bumiputera melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif sedia ada dan juga inisiatif baru. Justeru, TERAJU ditubuhkan dengan objektif untuk mentransformasi serta memperkuatkukan agenda pembangunan sosioekonomi Bumiputera khususnya bagi merapatkan perbezaan jurang ekonomi di antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera. Usaha ini akan dilaksanakan secara inklusif meliputi bandar serta luar bandar, termasuk di Sabah dan Sarawak. Usaha TERAJU akan dilaksana dan diorientasi berdasarkan kepada empat prinsip untuk menyokong matlamat pembangunan negara iaitu mesra pasaran, berdasarkan keperluan, merit dan ketelusan.

TERAJU telah mengenalpasti beberapa kaedah atau pendekatan jangka pendek dan jangka panjang untuk dilaksanakan bagi membantu dan memastikan kejayaan Bumiputera dalam bidang keusahawanan. Antara lain, TERAJU akan menggunakan pendekatan makmal bagi mengenalpasti peluang yang boleh dimanfaatkan oleh usahawan Bumiputera dalam 131

Entry Point Project (EPP) dan 60 peluang perniagaan (BO) yang telah diumumkan oleh Kerajaan dalam 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Di samping itu, inisiatif baru di luar 131 EPP akan dikenalpasti untuk memacu dan menjayakan agenda pembangunan sosioekonomi Bumiputera. Makmal tersebut akan melibatkan pelbagai *stakeholders* termasuk Badan Bukan Kerajaan (NGO), Persatuan Industri dan akademia.

- (b) Kayu ukur utama atau indikator yang akan digunakan oleh TERAJU bagi mengukur prestasi pembangunan usahawan Bumiputera adalah pencapaian tahap modal pasaran yang disasarkan bagi syarikat-syarikat Bumiputera serta bilangan syarikat-syarikat Bumiputera yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

Kedua, penyertaan syarikat-syarikat Bumiputera di dalam *Entry Point Project* (EPP), Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEA), samada secara langsung atau tidak langsung.

Ketiga, daya saing syarikat-syarikat Bumiputera di peringkat domestik dan antarabangsa.

Soalan No : 22

PERTANYAAN	LISAN	
DARIPADA	Y.B. PUAN TEO NIE CHING (SERDANG)	
TARIKH	:	15.03.2011
SOALAN:		

Y.B. PUAN TEO NIE CHING [SERDANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan perkembangan permintaan untuk membuka balik Sekolah Menengah Persendirian Cina di Kuantan dan Segamat. Sama ada Kerajaan pusat akan membenarkan

pembukaan dan penubuhan SMPC yang baru.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Tuan Yang DiPertua.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah meneliti isu yang dibangkitkan iaitu membuka sebuah Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) di Kuantan dan Segamat. Walau bagaimanapun, pembukaan SMPC baru tidak termaktub dalam Akta Pendidikan 1996.

Rim 21

SOALAN NO. 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB LIS AN

DARIPADA YB DATUK SERI PANGLIMA WILFRED

MOJILIP BUMBURING (TUARAN)

TARIKH : 15 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

YB Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing (Tuaran) minta MENTERI PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan kenapakah bantuan kebajikan yang telah diberi di bawah skim Cari di Sabah lambat dibayar dan banyak yang diberhentikan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Projek CARI merupakan salah satu program pendampingan sosial yang dilaksanakan

oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) bertujuan untuk mengesan kes-kes terciciran terpinggir yang memerlukan bantuan.

Projek CARI telah dilaksanakan mulai bulan Julai 2008 sehingga bulan Oktober 2009 dan sepanjang tempoh tersebut 268,997 kes telah dikesan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 140,159 kes telah diberi bantuan kewangan berjumlah RM39,200,198.00 manakala sebanyak 84,112 kes tidak diluluskan kerana tidak memenuhi syarat-syarat skim bantuan kebajikan.

Bagi negeri Sabah, sepanjang Projek Cari dijalankan sebanyak 29,390 kes telah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah. Bagi daerah Tuaran 1,093 kes telah dirujuk dan dari jumlah tersebut 839 kes telah diluluskan bantuan kewangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menetapkan bahawa semua urusan bayaran bantuan bulanan kepada penerima bantuan dibuat pada 1 haribulan setiap bulan di semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/ Jajahan/ Bahagian. JKM melaksanakan pembayaran bantuan bulanan melalui dua kaedah iaitu pembayaran terus ke dalam akaun bank penerima dan pembayaran secara tunai terus kepada klien. Kelewatan pembayaran melalui bank tidak lagi berlaku kerana ketetapan pembayaran pada 1 haribulan setiap bulan telah dilaksanakan, namun kelewatan pembayaran tunai kepada klien masih berlaku kerana masalah logistik yang dihadapi oleh pegawai khususnya di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

Kes-kes bantuan tertentu dihentikan selepas kaji semula kes dilaksanakan selepas tempoh satu tahun bantuan disalurkan. Pemberhentian ini hanya dilaksanakan ke atas kes-kes yang telah melepassi kriteria seperti berikut:

- a. Pendapatan keluarga telah melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu

RM960.00 di Sabah;

- b. Keadaan kesihatan bertambah baik dan sudah boleh bekerja seperti biasa; dan
- c. Mempunyai anak yang sudah bekerja dan mampu menyara kos sara hidup keluarga.

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)**

PERTANYAAN : LISAN


TARIKH 15.03.2011

Tuan William Leong Jee Keen (Selayang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nama-nama syarikat yang mendapat kontrak untuk mencetak mata wang Malaysia dan adakah Bank Negara melayan broker atau agen dari syarikat-syarikat untuk mendapatkan kontrak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa mengamalkan sistem tender terbuka bagi pencetakan wang kertas berdasarkan polisi dan prosedur perolehan yang telah digunakan sejak BNM mula ditubuhkan. Sistem tender ini telah dikemas kini dari masa ke semasa. Tender tersebut adalah dibuka kepada pencetak-pencetak wang kertas antarabangsa yang mempunyai reputasi tinggi serta memenuhi syarat-syarat ketat yang telah ditetapkan oleh BNM seperti kepakaran, pengalaman, kualiti



15/3/11

perkhidmatan, kapasiti dan keupayaan teknologi mencetak. Antara syarikat-syarikat pencetak wang kertas yang terkemuka yang telah mengemukakan tender untuk mencetak wang kertas Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) Crane Ab (Crane) - Sweden
 - (ii) De La Rue Currency (DLR) - United Kingdom
 - (iii) Federal State Unitary Ent. 'Goznak' (Goznak) - Russia
 - (iv) Giesecke & Devrient GmbH (G&D) - Germany
 - (v) Notes Printing Australia (NPA) - Australia
 - (vi) Oberthur Technologies Division Fiduciaire (FCO)
 - France
 - (vii) Oesterreichische Banknotes-ind Sicherheitsdruck (OeBS)
 - Austria
2. BNM hanya berurusan secara terus dengan semua syarikat-syarikat pencetak wang kertas tersebut. Segala urusan berkaitan kontrak seperti sebut harga, pembayaran dan urusan penghantaran adalah dibincangkan secara terus tanpa melalui broker atau agen.

SJ.B/(15)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN AZAN BIN ISMAIL

(INDERA MAHKOTA)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.03.2011

Tuan Azan bin Ismail (Indera Mahkota) minta MENTERI KEWANGAN

menyatakan bagaimanakah langkah untuk menangani isu kehilangan hasil Negara dan imej Negara mengenai laporan GFI berkenaan jumlah RM889 bilion wang negara yang lesap.

DARIPADA **TENGKU RAZALEIGH HAMZAH**
(GUA MUSANG)

PERTANYAAN : LISAN ^ - *

TARIKH **15.03.2011**

Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana benarnya dakwaan sebuah badan kajian antarabangsa yang menyebut lebih RM8 bilion di salur / seludup keluar negara secara haram sejak awal tahun 2000 lagi walaupun Kerajaan telah mengetatkan kawalan keluar masuk wang negara. Apakah sebabnya ia boleh berlaku.

DARIPADA : **DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLS**
(KUALA KRAI)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.03.2011

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli (Kuala Krai) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

- a) sama ada Kerajaan akan menerima tawaran *Global Financial Integrity* (GFi) untuk bekerjasama secara percuma bagi menyediakan khidmat nasihat polisi bagi mengawal pengaliran keluar secara haram wang negara ini, dan

b) jika tidak, kenapa.

DARIPADA DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI
(KUALA KRAI)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 17.03.2011

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli (Kuala Krai) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

a) sama ada Kerajaan akan membuat sebarang komen ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh *Global Financial Integrity* dalam laporan kajian “*Illicit Financial Flows From Developing Countries*”: 2000-2009, dan

- b) apakah komen-komen tersebut selain dari hanya menolak laporan tersebut.

DARIPADA **DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI (KAPIT)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH **22.03.2011**

Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah benar atau tidak kenyataan Global Fund Integriti yang mengatakan Malaysia telah mengalami *illicit outflow of capital* sebanyak RM208 bilion dalam tahun 2008. Jelaskan.

DARIPADA **TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**
(SELAYANG)

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH **23.03.2011**

Tuan William Leong Jee Keen (Selayang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab-sebab pengaliran keluar wang haram meningkat dari AS\$22.2 bilion ke AS\$ 68.2 bilion pada tahun 2008 dan sejumlah RM888 bilion pengaliran wang haram dari 2000-2008 serta tindakan yang diambil oleh Bank Negara mengikut Laporan Integriti Kewangan Global Januari 2011.

DARIPADA : PUAN NURUL SZZAH BINTI ANWAR
(LEMBAH PANTAI)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.03.2011

Puan Nurul izzah Binti Anwar (Lembah Pantai) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesahihan laporan GFI mengenai "*Illicit Fund Outflow*" dan adakah aktiviti sebegini dibenarkan oleh undang-undang negara.

DARIPADA : DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
(KUALA SELANGOR)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30.03.2011

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad (Kuala Selangor) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan dakwaan *Global Financial Integrity* (GFI) bahawa negara mengalami pengeluaran dana secara haram (*illicit*) dalam tempoh 2000 - 2008 sebanyak RM888 bilion.

DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG
(BATU)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30.03.2011

Tuan Chua Tian Chang (Batu) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

- a) sama ada Kerajaan telah menjalankan siasatan terhadap penggubahan wang haram seperti yang dilaporkan oleh *Global Finance Integrity* (GFI). Jika ya, apakah perkembangan terkini; dan

 - b) apakah langkah-langkah membanteras gejala penggubahan wang haram dan berapakah kes telah didakwa dalam mahkamah oleh pihak berkuasa.

DARIPADA

DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI

(KUALA KRAI)

PERTANYAAN : LISAN

04.04.2011

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli (Kuala Krai) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan

- a) sama ada Kerajaan akan menjalankan kajian terperinci mengenai pengaliran keluar wang secara haram dari negara ini, sama seperti yang dilaksanakan oleh Kerajaan India yang juga tersenarai dalam Laporan *Global Financial Integrity* walaupun tidak seteruk Malaysia; dan
 - b) jika tidak, kenapa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Indera Mahkota bersama-sama soalan dari Yang Berhormat Gua Musang, Kuala Krai, Kapit, Selayang, Lembah Pantai, Batu, dan Kuala Selangor yang dijadualkan dijawab pada 15 Mac 2011, 17 Mac 2011, 22 Mac 2011, 23 Mac 2011, 24 Mac 2011, 30 Mac 2011 dan 4 April 2011 kerana kesemuanya menyentuh perkara dan isu yang sama.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia ialah sebuah negara yang mempunyai ekonomi yang terbuka serta sistem kewangan yang sangat liberal, di mana sektor perniagaan dan isi rumah di Malaysia secara rutin dapat menjalankan pelbagai urus niaga merentas sempadan. Jumlah perdagangan Malaysia pada tahun 2010 ialah sebanyak RM1.17 trilion atau USD363.5 bilion, bersamaan dengan 153% daripada KDNK. Sistem ini secara keseluruhannya didukung oleh undang-undang, peraturan dan pengawalseliaan yang komprehensif yang memberikan keyakinan bagi menjalankan perniagaan di Malaysia. Sehubungan dengan itu, sebarang pelanggaran terhadap peraturan dan pengawalseliaan negara adalah suatu perkara yang amat serius.
3. Data urus niaga ekonomi dan kewangan Malaysia dengan dunia luar dirangkum dalam perangkaanimbangan pembayaran, yang disusun berdasarkan metodologi yang disarankan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Memandangkan jumlah urus niaga yang amat besar dengan dunia luar di samping ketiadaan data untuk barang tertentu disebabkan oleh kesalahan perangkaan atau pindahan dana yang tidak direkodkan, maka akan ada kesalahan dan ketinggalan (*errors and omissions* - E&O) dalamimbangan pembayaran. E&O Malaysia mencatat

aliran keluar sebanyak RM135.3 bilion (bersamaan dengan USD37.9 bilion) bagi tempoh 2000 hingga 2009. Jumlah E&O ini mencakupi kurang 2% daripada jumlah perdagangan Malaysia dan dalam lingkungan 5% daripada jumlah perdagangan mengikut standard yang diterima; Selain percanggahan perangkaan yang benar-benar berlaku, E&O juga mungkin mencerminkan aliran kewangan tidak direkodkan yang dijalankan melalui saluran tidak formal, yang mungkin termasuk dana yang berpunca daripada aktiviti haram.

4. Menyedari jumlah aliran keluar dana tidak direkodkan yang semakin meningkat, Bank Negara Malaysia telah menjalankan siasatan mengenai pindahan dana secara haram yang dilakukan oleh pengurup wang. Sehingga kini, sebanyak 50 lesen pengurup wang telah dibatalkan dan lapan pengurup wang dan pengarahnya telah didakwa di mahkamah dan didapati bersalah.
5. Kerjasama antarabangsa dan perkongsian maklumat dengan agensi penguatkuasaan undang-undang asing untuk tujuan perkongsian hasil risikan dan bukti bagi transaksi merentas sempadan juga telah dipertingkatkan. Beberapa rakan sejawat asing telah bekerjasama dalam pengawasan dan tindakan bersama dengan agensi penguatkuasaan undang-undang tempatan bagi menjelaki destinasi akhir dana haram berkenaan. Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah menubuhkan pasukan petugas peringkat tertinggi untuk terus menyiasat perkara tersebut.
6. Sementara itu, rangka tindakan dan rangka kerja undang-undang

baru untuk industri pengurusan dan pengiriman wang akan dilaksanakan pada tahun ini untuk memupuk pembangunan industri yang kukuh, menggalakkan standard tadbir urus dan amalan profesional yang baik bagi melindungi integriti industri.

SOALAN 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. DR. HIEW KING CHEU

[KOTA KINABALU]

TARIKH

15 MAC 2011

SOALAN

Meminta MENTERI PELANCONGAN

menyatakan:

Mengapakah tidak ada bantuan diberikan kepada daerah Kudat di Sabah untuk meningkatkan industri pelancongan dan ekonomi kerana tempat tersebut mempunyai potensi yang tinggi dengan alam sekitar dan pulau-pulau yang indah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan sentiasa memberi bantuan kepada negeri-negeri dalam usaha meningkatkan industri pelancongan negara. Bagi Daerah Kudat, Kementerian Pelancongan ada memberi bantuan projek pembangunan infrastruktur di bawah **RMK-9** bagi **Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Tip of Borneo Tanjung Simpang Mengayau, Kudat, Sabah sebanyak RM3.5 juta.**

Kementerian Pelancongan juga telah memberi peruntukan sebanyak RM300.000 di bawah **RMK-9** bagi homestay Kampung Misompuru, Kudat bagi pembinaan pondok rehat, pusat informasi pelancong dan **boardwalk**. Kursus dan latihan **Tourism English** juga telah diadakan di bawah Program Malaysia Welcome the World kepada homestay tersebut pada tahun 2010 yang lalu. Homestay ini telah berjaya menarik seramai **1126 pelancong** asing dan domestik dengan jumlah pendapatan sebanyak **RM270,000** bagi **tahun 2010**. **Pakej Homestay di Kampung Misompuru, Kudat** juga telah dimuatkan dalam **kalendar acara negeri** dan **risalah pakej khas Sabah Homestay**.

Kementerian Pelancongan melalui Tourism Malaysia turut mempromosikan pulau-pulau seperti Pulau Balambangan, Pulau Bangi, Pulau Jambongan, Pulau Balak dan Pulau Malawali dalam risalah yang menekankan pulau-pulau di Sabah dan Labuan bagi aktiviti selam scuba iaitu ***Sabah & Labuan 101 Dive Treasures***. Risalah ini diedarkan di seluruh Malaysia dan dimuatkan sebagai e-brochure dalam laman sesawang rasmi Tourism Malaysia. Tourism Malaysia Sabah juga bekerjasama dengan Sabah Tourism Board dan agensi pelancongan di Sabah dalam menyediakan pakej pelancongan ke Kudat.

Selain pakej pelancongan, Pejabat Tourism Malaysia Sabah membantu dari segi memberi publisiti dan promosi terhadap acara-acara utama yang diadakan di Kudat melalui pengiklanan di akhbar-akhbar tempatan Sabah seperti **Pesta Kelapa** yang diadakan pada **16 hingga 17 Julai 2011** anjuran Pejabat Daerah Kudat dan juga Lembaga Pelancongan Sabah.

No. Soalan :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	Jawab Lisan
DARIPADA	Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun]
TARIKH	Selasa, 15 Mac 2011
SOALAN	Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan sejauh manakah Kerajaan memantau isu kebocoran maklumat sulit menerusi laman WikiLeaks yang membabitkan penyaluran keluar pelbagai rahsia di beberapa negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat Dungun atas soalan yang dikemukakan.

2. Sepertimana yang diketahui umum, WikiLeaks adalah sebuah organisasi, dengan izin, *whistleblower* yang menyebarkan maklumat-maklumat terperingkat mana-mana organisasi kerajaan ataupun swasta dalam memperjuangkan kepercayaan mereka, iaitu kebenaran hendaklah dihebahkan kepada semua, dengan tidak menghiraukan kesan baik atau buruk tindakan tersebut.
3. Dalam hal ini, WikiLeaks pada tahun 2010 telah menghebahkan ratusan-ribu dokumen-dokumen rahsia dan komunikasi Kerajaan Amerika Syarikat yang terperingkat serta dikhuatiri akan disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tertentu dengan memanipulasi maklumat tersebut untuk kepentingan-kepentingan mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Pendedahan disebarluaskan oleh WikiLeaks merupakan satu cabaran global yang perlu ditangani secara matang dan rasional. Dalam konteks hubungan antarabangsa, ianya perlu ditangani melalui saluran diplomatik negara-negara yang dikaitkan dalam satu-satu isu yang didedahkan. Setakat ini, belum lagi nampak pendedahan WikiLeaks yang menunjukkan kesan yang boleh menjelaskan hubungan diplomatik antara negara-negara yang terlibat secara langsung.

5. Dalam hal ini, Kementerian Luar Negeri, Kementerian-Kementerian dan juga agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa memantau laporan-laporan media mengenai pembocoran dan pendedahan maklumat-maklumat terperingkat mana-mana Kerajaan asing yang membabitkan Malaysia yang dihebahkan oleh Wiki leaks.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN

BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA

DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR

(POKOK SENA)

TARIKH

15 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

28

Dato' HajiMahfuz bin Omar (Pokok Sena) minta menyatakan jumlah kamera pengesan lalu lintas yang telah dibeli oleh JPJ untuk operasi Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES).

MENTERI PENGANGKUTAN

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Perolehan kamera pengesan lalu lintas adalah berdasarkan kepada jumlah lokasi yang dikenalpasti sering berlaku kemalangan (*blackspot*). Bagi maksud ini, sebanyak 831 lokasi telah dikenalpasti dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 566 lokasi adalah bagi pemasangan kamera untuk tujuan mengesan kesalahan memandu melebihi had laju manakala 265 lokasi adalah bagi pemasangan kamera di persimpangan lampu isyarat. Bilangan kamera yang dipasang di sesuatu lokasi mungkin lebih daripada satu unit bergantung kepada keperluan setempat. Selain daripada kamera yang dipasang secara tetap (*fixed*), 250 unit kamera mudah alih akan dipasang di dalam kenderaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan ia akan digunakan bagi tujuan penguatkuasaan secara rondaan.

SULIT

NO: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

1

SOALAN NO. 30

PEMBERITAHU PERTANYAAN **DEWAN RAKYAT**

DARIPADA
TARIKH

DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU
] 15 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN NO. 29

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan

- (a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk membuka semula Tabung Ekonomi Belia (STEB) yang telah ditutup buat sementara waktu beberapa tahun yang lalu; dan
- (b) apakah punca utama tabung ini ditutup.

JAWAPAN

Buat masa ini, Kementerian Belia dan Sukan tidak berhasrat untuk meneruskan Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB) memandangkan peranan tersebut turut dilaksanakan oleh agensi kerajaan yang lain seperti Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) di bawah kelolaan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian bersedia membantu dalam menyelaras permohonan-permohonan daripada para belia yang berminat dengan mana-mana peluang bantuan dana tersebut.

SULIT

NO: 31

PERTANYAAN LISAN PEMBERTAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**DARIPADA Y.B PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
PERTANYAAN [KUANTAN]**

TARIKH 15 MAC 2011

SOALAN:

PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah SPR menolak penggunaan dakwat kekal tanpa memberikan alasan yang kukuh

SOALAN NO. 30

JAWAPAN :

Y.B DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERPANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Tujuan utama SPR hendak melaksanakan penggunaan dakwat kekal adalah untuk mempertingkatkan lagi ketelusan atas saranan dan permintaan parti-parti politik di dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 yang lalu, Ini kerana terdapat dakwaan-dakwaan daripada pihak-pihak tertentu yang mengatakan bahawa ada pengundi-pengundi yang akan cuba mengundi lebih dari sekali. Justeru itu, dengan penggunaan dakwat kekal ia dapat mengelakkan mana-mana pihak untuk mengundi lebih daripada sekali. Oleh yang demikian, persiapan awal yang sewajarnya untuk melaksanakan cadangan penggunaan dakwat kekal telah dibuat oleh SPR. SPR telah pada dasarnya bersetuju untuk menggunakan dakwat kekal untuk dicalitkan ke atas kuku pengundi sebelum kertas undi diberikan kepadanya. Ini bermakna seseorang yang kukunya telah dicalitkan dengan dakwat kekal tidak boleh diberikan kertas undi.

Untuk membolehkan kaedah yang hendak diperkenalkan ini,dilaksanakan, kajian-kajian yang terperinci telah dilakukan, yang berkaitan dengan undang-undang yang perlu digubal, di samping persediaan-persediaan lain yang wajar bagi menjalankan urusan itu. Hasil daripada kajian dan persediaan itu, beberapa masalah yang berkaitan dengan undang-undang, ketenteraman dan keselamatan awam telah dikenal pasti.

SOALAN NO. 30

Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan menjamin hak seseorang pemilih berdaftar untuk mengundi. Ini bermakna bahawa hak ini tidak boleh dinafikan kecuali jika pemilih berdaftar itu hilang kelayakan untuk mengundi di bawah undang-undang. Hak ini merupakan hak asasi seseorang pemilih berdaftar. Undang-undang yang memperuntukkan selainnya adalah *ultra vires* Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan. Ini juga bermakna bahawa seseorang yang kukunya kelihatan telah dicalit dengan dakwat kekal atau seseorang yang enggan kukunya dicalit dengan dakwat kekal tidak boleh dinafikan haknya untuk mendapatkan kertas undi.

Peruntukan undang-undang yang perlu digubal, sekiranya penggunaan dakwat kekal hendak diperkenalkan, tidak boleh menjelaskan hak seseorang pengundi untuk mengundi selaras dengan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, undang-undang yang digubal itu mesti mengadakan peruntukan untuk membenarkan seseorang pengundi yang kukunya kelihatan telah dicalit dengan dakwat kekal dan seseorang pengundi yang enggan kukunya dicalit, diberi kertas undi.

SOALAN NO. 30

Peruntukan undang-undang yang sedemikian didapati tidak akan mencapai maksud asal SPR memperkenalkan penggunaan dakwat kekal.

Dari sudut praktiknya, jika SPR masih perlu memberikan kertas undi kepada pengundi yang sedemikian, maka kaedah tersebut tidak akan membawa makna atau memberi kesan positif, malah berpotensi besar untuk menimbulkan perselisihan faham serta pertengkaran dan pergaduhan di tempat mengundi.

Di samping itu laporan keselamatan yang diterima juga menunjukkan bahawa SPR perlu mengkaji semula cadangan penggunaan dakwat kekal itu dari sudut ketenteraman dan keselamatan awam. Hasil siasatan terhadap laporan-laporan yang dibuat kepada pihak polis mengesahkan bahawa pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab telah membeli dakwat dari luar negara. Mereka ini menjalankan aktiviti untuk memujuk dan menyogok orang-orang yang kurang faham dan jelas mengenai penggunaan dakwat kekal untuk mencelit kuku dengan dakwat yang dibeli itu sebelum hari mengundi, terutamanya masyarakat di luar bandar dan pedalaman. Ini bertujuan untuk menimbulkan kekeliruan dan syak wasangka mengenai status pengundi berkenaan. Mereka ini mungkin dianggap telah melakukan suatu kesalahan. Sekiranya pengundi-pengundi itu hadir untuk mengundi pada hari pengundian. Selain itu, kemungkinan

SOALAN NO. 30

ada di kalangan pengundi yang terpedaya itu tidak akan keluar mengundi kerana takut dianggap telah melakukan suatu kesalahan. Sekiranya pengundi-pengundi itu hadir untuk mengundi, sudah tentu akan timbul keraguan di kalangan ejen calon dan petugas SPR tentang status pengundi-pengundi itu. Ini boleh menyebabkan tercetusnya kekecohan di tempat-tempatt mengundi yang mungkin sukar dikawal jika berlaku secara berleluasa.

SPR memandang serius perkara-perkara yang disebut tadi kerana proses pengundian dan ketenteraman serta keselamatan awam tidak boleh sekali- kali dikompromi.

Berdasarkan nasihat dari segi perundangan dan dari sudut ketenteraman dan keselamatan awam, maka SPR yang bermesyuarat pada 4 Mac 2008 telah memutuskan untuk membatalkan cadangannya untuk memperkenalkan penggunaan dakwat kekal bagi Pilihan Raya Umum Ke- 12 yang lalu. SPR berasa amat dukacita atas keputusan tersebut. Namun begitu, demi menunaikan kewajipan dan tanggungjawabnya dalam menjamin kelancaran proses pengundian serta demi ketenteraman dan keselamatan awam, SPR perlu mengambil keputusan tegas dan muktamad ini.

Walhasil, 48,000 botol dakwat kekal yang telah dibeli dengan harga RM2.4 juta dari India, untuk kegunaan pilihan raya umum ke-12 lepas, tetapi tidak dapat digunakan kerana masalah keselamatan dan perundangan seperti yang telah

SOALAN NO. 30

dinyatakan tadi, telah dilupuskan pada 25 Oktober 2009, mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Peraturan Kerajaan iaitu melalui proses pembakaran.

Oleh yang demikian, SPR tidak bercadang untuk menimbang semula kaedah penggunaan ‘indelible ink’ pada hari mengundi kerana ia dianggap tidak lagi sesuai untuk digunakan. Namun demikian SPR sedang berusaha mencari kaedah baru yang lebih moden dan boleh diterima oleh semua pihak. Pada masa ini SPR sedang meneliti dan mengkaji penggunaan ‘biometrik’ yang dirasakan sesuai untuk digunakan bagi tuiuan pilihan raya. Namun demikian ia masih lagi di peringkat penelitian yang belum diputuskan kerana perlu melihat dari pelbagai sudut sebelum dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.

N0:31

TARIKH JAWAPAN : **15 MAC 2011 (SELASA)**
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
DI DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	NO:31
SOALAN	
DARIPADA	YB. DATUK ALEXANDER NANTA
<u>SOALAN</u>	LINGGI [KAPIT]

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

menyatakan jumlah dalam ringgit Malaysia subsidi gas untuk kesemua penjana elektrik untuk TNB, termasuk IPP dalam masa setiap tahun (*annual subsidy on gas for TNB*).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan tidak pernah memberikan subsidi yang dikeluarkan secara langsung dalam bentuk kewangan kepada penjana kuasa bebas atau *independent power producers* (IPP). Sebaliknya, Kerajaan telah memberikan subsidi kepada sektor elektrik dalam bentuk harga gas

yang rendah yang akhirnya akan dinikmati oleh rakyat dalam bentuk tarif elektrik yang berpatutan. Kerajaan telah menetapkan harga gas pada kadar RM6.40/mmBtu yang berkuat kuasa semenjak Mei 1997 dan dinaikkan kepada RM14.31/mmBtu pada tahun 2008. Berdasarkan trend penurunan dalam harga minyak di pasaran antarabangsa, mulai 1 Mac 2009, harga gas kepada sektor elektrik telah dikurangkan kepada RM10.70/mmBtu sehingga sekarang. Jumlah subsidi gas bagi Sektor Elektrik yang merangkumi penjana kuasa bebas dan TNB sejak mula diperkenalkan pada Mei 1997 sehingga tahun 2010 adalah berjumlah sebanyak RM96.726 bilion.

Di samping itu, setiap IPP diminta untuk menyumbang 1% daripada jumlah hasil tahunan yang diaudit ditolak kos bahan api bagi tahun sebelumnya kepada Dana Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) untuk tujuan pembangunan industri bekalan elektrik.

NO. AUM : 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN **DATO* NGEH KOO HAM [BERUAS]**
DARIPADA **15 MAC 2011**
TARIKH **3368**
SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes jenayah di daerah Manjung 5 tahun kebelakangan ini dan berapa jumlah daripada kes-kes tersebut telah disiasat dan didakwa di mahkamah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Beruasyang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini serentak bersama satu pertanyaan yang lain dari Yang Berhormat Beruas bertarikh 16 Mac 2010 soalan no. 23 kerana pertanyaan tersebut adalah berkaitan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Sepanjang tahun 2005 sehingga 2010 sebanyak 11,318 kes telah dilaporkan di daerah Manjung. Bagi tahun 2010, sebanyak 2,240 kes jenayah telah dilaporkan berlaku. Pada tahun 2009 sebanyak 2,646 kes jenayah telah dilaporkan, 2008 mencatatkan sebanyak 2,384 kes, tahun 2007 telah mencatatkan sebanyak 2,086 kes dan tahun 2006 sebanyak 1,962 kes jenayah dilaporkan. Daripada jumlah yang dinyatakan, tahun 2006 mencatatkan jumlah kes jenayah yang terendah iaitu sebanyak 1,962 kes sahaja dan tahun 2009 mencatatkan kes jenayah yang tertinggi iaitu sebanyak 2,646 kes.

Tuan Yang Dipertua,

PDRM sedang melaksanakan pelbagai langkah Pencegahan Jenayah dan telah mengatur strategi bagi menangani masalah jenayah seluruh negara. Diantara langkah-langkah yang telah diambil oleh PDRM adalah Pelaksanaan konsep '*Community Policing*' yang bertujuan untuk merapatkan hubungan dengan masyarakat setempat, program ini telah memberi peluang kepada masyarakat untuk menerima polis sebagai rakan dan bersedia untuk bekerjasama mencegah jenayah dengan memberi maklumat-maklumat kejadian jenayah di persekitaran kawasan komuniti.

PDRM juga telah mengadakan program '*stop and talk*' iaitu mengadakan rondaan jalan kaki dan bermotosikal di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai serta berinteraksi dengan orang-ramai untuk mendapatkan maklumat berkenaan kegiatan jenayah dikawasan tersebut. Kehadiran anggota berpakaian uniform dan interaksi dengan masyarakat setempat di kawasan-kawasan yang strategik adalah bersesuaian dengan konsep '*Police Omnipresence*', dimana ia akan menjadi penghalang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah. Rondaan kereta peronda (MPV) juga telah dipertingkatkan dan diadakan sepanjang masa di kawasan yang kerap terdedah kepada perlakuan jenayah. Sebarang laporan menggunakan Talian Hotline akan mendapat respon yang cepat daripada anggota MPV yang bertugas 24 jam.

Selain daripada itu, Ketua Polis Daerah juga telah diarahkan supaya

mengadakan program-program bersama masyarakat setempat sebagai satu '*platform*' untuk memberi peluang kepada masyarakat untuk bertemu polis dan berbincang tentang masalah-masalah yang dihadapi berkaitan jenayah dan juga sebagai peluang untuk menyalurkan maklumat mengenai kejadian jenayah di kawasan mereka.

Dalam pada itu, program '*Rakan Cop*' telah memainkan peranan yang berkesan dalam tindakan polis berkaitan pencegahan jenayah, di mana orang awam boleh menghubungi polis untuk memberi maklumat berkaitan sebarang kejadian jenayah dengan menghantar SMS ke talian 32728 atau dengan panggilan ke talian Hotline OS- 2115 9999 dan tindakan serta merta akan diselaraskan.

SOALAN NO. : 33

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUAABELAS TAHUN 2011

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA **Y.B. TAN SRI DATO' SERI
ONG KA TING
(KULAI)**

TARIKH **15.3.2011**

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakanbilakah projek Menaiktaraf Jalan dari Felda Taib Andak ke Felda Inas Kulai dilaksanakan demi

kepentingan penduduk di antara Kulai dan Bandar Tenggara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Y.B. Tan Sri Dato' Seri, projek Menaiktaraf Jalan dari Felda Taib Andak ke Felda Inas Kulai disenaraikan di bawah projek JALB Kementerian. Pelaksanaan projek melibatkan pembinaan jalan sepanjang 5.1km, berdasarkan piawaian JKR R3 dengan anggaran kos berjumlah RM19.0 juta.

Status terkini, rekabentuk projek telah selesai. Namun memandangkan siling RMK10 yang diperuntukan adalah terhad dan tidak mencukupi, Kementerian akan memohon siling di bawah RMK10 (*second rolling plan*) tahun 2013.

NO. AUM : 52
NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [KUBANG KERIAN]

15 MAC 2011

TARIKH 3371

RUJUKAN

SOALAN:

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah dasar Kerajaan terhadap pemberian taraf kewarganegaraan kepada rakyat asing. Apakah syarat-syarat utama yang dipertimbangkan bagi memberikan mereka taraf kerakyatan dan penduduk tetap.

JAWAPAN :
Tuan Yang Dipertua ,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pemberian taraf kewarganegaraan kepada rakyat asing adalah berdasarkan peruntukan undang-undang seperti yang termaktub di dalam Jadual Kedua, Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan. Syarat dan kelayakan permohonan adalah bergantung kepada kategori permohonan mengikut Perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Secara amnya, penganugerahan taraf kewarganegaraan ini mengambil kira tempoh bermastautin seseorang penduduk tetap di Malaysia serta sejauh mana mereka telah berakar umbi di negara ini dan menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan negara. Di samping itu, berkelakuan baik dan mempunyai pengetahuan di dalam Bahasa Melayu adalah merupakan syarat kelayakan asas bagi melayakkan rakyat asing untuk memohon taraf kewarganegaraan Malaysia. Dalam konteks ini, berkelakuan baik adalah merujuk kepada tatakelakuan serta tindakan yang tidak mendatangkan mudarat atau ancaman kepada kesejahteraan dan keselamatan negara, mempunyai semangat cintakan negara dan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Raja dan Negara, menghormati agama, budaya dan adat resam masyarakat berbilang kaum di Malaysia serta tidak mempunyai sebarang perlakuan negatif yang boleh menjaskan permohonan kewarganegaraannya.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada masa ini Kerajaan memberi pertimbangan taraf Pemastautin Tetap (PR)

Malaysia kepada empat (4) golongan pemohon iaitu:

1. suami/isteri kepada warganegara Malaysia,
2. pelabur;
3. pakar dan profesional; dan
4. Lain-lain kategori pemohon.

(Mereka mesti melepassi markah lulus 65 mata berdasarkan penilaian sistem mata (*point system*) permohonan Permit Masuk.)

Syarat pertimbangan bagi golongan isteri/suami kepada warganegara Malaysia adalah pemohon mestilah tinggal dalam negara bersama pasangan selama 5 tahun secara terus.

Bagi kategori pelabur, pemohon hendaklah membuat pelaburan dalam bank tempatan melalui skim simpanan tetap (*fixed deposit*) lebih USD2 juta untuk tempoh sekurang-kurangnya 5 tahun.

Sementara itu, bagi golongan pakar dan profesional, Agensi Kawal Selia yang berkaitan dengan kepakaran yang dimiliki oleh seseorang

pemohon adalah bertanggungjawab mengesahkan dan memperakukan bahawa kepakaran pemohon berkenaan adalah kritikal kepada keperluan negara dan oleh sebab yang demikian pemohon berkenaan disyorkan supaya dipertimbangkan dengan taraf Pemastautin Tetap (PR) Malaysia.

Bagi pemohon yang bukan pasangan kepada warganegara Malaysia mahupun bukan pelabur atau pakar dan profesional boleh dipertimbangkan dengan PR Malaysia sekiranya melepassi 65 mata menggunakan sistem mata pertimbangan Permit Masuk.

Semua maklumat lengkap berhubung permohonan dan syarat-syarat pertimbangan bagi kesemua kategori permohonan PR Malaysia boleh diperoleh di laman web Jabatan Imigresen Malaysia.

NO. AUM : 48

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
[SIPITANG]**

DARIPADA **15 MAC 2011**

TARIKH **3370**

**RUJUKAN
LISAN**

SOALAN:

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha-usaha yang dilakukan bagi mempercepatkan pemprosesan MyKad di negara kita terutama di kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak di mana rakyatnya menghadapi kesukaran pengangkutan untuk berulang-alik ke pekan berhampiran.

JAWAPAN:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sipitang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan sedia maklum dan sedar akan masalah di kalangan masyarakat luar bandar dan pedalaman terutama di Sabah dan Sarawak yang menghadapi kesukaran pengangkutan untuk berulang-alik ke pekan yang berhampiran bagi urusan dokumen pengenalan diri. Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara telah mengambil usaha ke arah penyelesaian masalah dokumen pengenalan diri dengan memperkenalkan program ‘outreach’ iaitu program MyDaftar dan Unit Bergerak (Mobile Unit) di Semenanjung Malaysia. Bagi penduduk Sabah dan Sarawak, Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sabah dan Sarawak telah menubuhkan pasukan Unit Khas Bergerak atau dikenali UKB yang akan masuk ke kawasan pedalaman untuk mendaftar penduduk yang menghadapi kesukaran untuk ke Jabatan Pendaftaran Negara yang berhampiran.

Tuan Yang DiPertua,

Program MyDaftar mula dilaksanakan sejak tahun 2009. Program ini melibatkan semua negeri di Semenanjung Malaysia. Dalam tempoh tahun 2009 dan 2010 Jabatan Pendaftaran Negara telah

melaksanakan sebanyak 252 program. Bagi program UKB untuk penduduk Sabah dan Sarawak, Jabatan Pendaftaran Negara telah mengadakan sebanyak 26 program di Sabah dan sebanyak 165 program di Sarawak.

Bagi meningkatkan prestasi dan keberkesanan program *outreach* ini, UKB yang sebelum ini hanya berpusat di Kota Kinabalu dan Kuching telah diperluaskan mengikut zon mulai Julai tahun 2009. Unit ini juga dipertanggungjawabkan untuk mencari maklumat penduduk-penduduk yang menghadapi masalah dokumen pengenalan diri dengan menyediakan profil bagi merancang lawatan berjadual ke kawasan-kawasan yang bermasalah. Adalah diharapkan penubuhan zon-zon UKB di kawasan yang berhampiran dengan daerah yang bermasalah ini mampu mempercepatkan proses mengenalpasti kes-kes ketidaan dokumen pengenalan diri dan membolehkan UKB mengambil tindakan pendaftaran dengan cepat.

Zon-zon tersebut adalah seperti berikut:-

Negeri Sabah:

1. Keningau
 2. Semporna
 3. Kota Kinabalu
-)

Negeri Sarawak:

1. Miri
2. Kapit

3. Sibu
4. Bintulu
5. Betong
6. Kuching

Bagi menjayakan program *outreach* ini, Kementerian ini memerlukan kerjasama daripada ketua masyarakat dan pemimpin setempat dalam usaha untuk menanam kesedaran masyarakat mengenai kepentingan dokumen pengenalan diri.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN :LISAN

DARIPADA TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA

[PADANG TERAP]

TARIKH 15 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah purata *Unit Production Cost* (UPC) bagi semua medan minyak di Malaysia bagi tahun 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos carigali (dengan izin -

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN exploration), pembangunan dan pengeluaran bagi sesebuah telaga minyak dan gas adalah berbeza di antara satu telaga minyak atau gas dengan telaga yang lain walaupun berada dalam medan yang sama.

Perbezaan kos dari sebuah telaga ke telaga yang lain mempunyai julat yang besar kerana pelbagai faktor yang melibatkan sifat sesuatu telaga seperti profil dan komposisi tanah, jumlah karbon dioksida, kedalaman permukaan laut dan pelbagai risiko lain.

Kos untuk melaksanakan projek-projek pembangunan minyak dan gas yang dijalankan oleh PETRONAS bergantung kepada tahap kompleksiti projek berkenaan. Purata unit kos keseluruhan terdiri daripada kos pembangunan (*development cost*) dan kos pengeluaran (*production cost*) untuk projek-projek hulu. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh *International Energy Agency* (IEA), kos terlibat adalah seperti berikut:

- i) Projek minyak dan gas laut dalam : USD35 - USD65 setong;
- ii) Projek *Enhance Oil Recovery* (EOR) : USD35 - USD80 setong;
dan
- iii) Projek minyak dan gas laut cetek: USD15 - USD40 setong

Walau bagaimanapun, kos-kos tersebut tidak termasuk kos-kos lain seperti pembayaran cukai, kos pembentangan (*financing cost*) dan kos tidak langsung (*indirect cost*) yang perlu ditanggung oleh syarikat-syarikat pengeluar minyak dan gas.

/V0-37

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD 15

TARIKH

MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

N0.37

Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [Mukah] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status pembinaan cawangan Universiti Teknologi MARA di Mukah dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan kampus Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Mukah akan mula dilaksanakan pada tahun 2012 dengan anggaran kos sebanyak RM300 juta melalui Fasa 2 (RMKe-10). Mengikut perancangan, pelaksanaan projek ini akan mengambil masa selama 3 tahun dan pembiayaanya adalah di bawah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI).

Antara kursus-kursus yang akan ditawarkan di UiTM ini adalah sains gunaan, pengurusan perniagaan, agroteknologi dan perladangan.

SOALAN NO.: 38

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 15 MAC 2011
SOALAN

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan sejauh manakah udara dan air di kawasan Manjung tercemar dan apakah sumber-sumber utama pencemaran tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kualiti udara di kawasan Manjung adalah pada tahap baik dan sederhana sepanjang tahun 2010. Status kualiti udara di kawasan ini dipantau secara berterusan dari stesen pemantauan automatik Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang terletak di Pejabat Daerah Manjung. Punca pencemar udara utama di Manjung adalah kenderaan, industri dan aktiviti pembakaran terbuka.

Kualiti air Sungai Manjung pula dipantau di dua belas (12) buah stesen. Berdasarkan pemantauan ini, satu stesen didapati berada dalam kelas I (Sungai Nyior), 4 stesen berada dalam kelas II (Sungai Manjung, Sungai Derhaka, Sungai Raja Hitam), 6 stesen berada di kelas III (Sungai Deralik, Sungai Wangi dan Sungai Raja Hitam) dan satu stesen berada di dalam kelas V (Sungai Raja Hitam). Punca-punca pencemaran air sungai-sungai di Manjung adalah daripada kerja-kerja tanah, aktiviti korek pasir, penternakan khususnya udang, babi dan ayam serta loji kumbahan dan aktiviti perindustrian.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 39

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ (SUNGAI SIPUT)
TARIKH	15.03.2011 (SELASA)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan perkembangan dalam isu pembelian 257 kereta perisai (APC) dengan harga 3 kali ganda melalui *DRB HICOM Defence Technologies Sdn Bhd*.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertahanan telah mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada syarikat DRB-HICOM Defence Technologies Sdn. Bhd. (DEFTECH) untuk membuat perolehan sebanyak 257 unit Kenderaan Perisai Anggota (APC) pada 23 Februari 2011. Harga kontrak yang telah dimuktamadkan adalah bernilai RM7.550 bilion bagi tempoh tujuh (7) tahun, mulai tahun 2011 hingga tahun 2018 berbanding tawaran asal yang bernilai RM7.983 bilion. Kementerian Pertahanan yakin bahawa harga yang telah dimuktamadkan ini benar-benar menguntungkan pihak Kerajaan dan Negara tanpa kompromi dalam spesifikasi kenderaan dan sistem yang dibekalkan kelak.

Dalam memuktamadkan harga bagi perolehan ini, Kementerian Pertahanan telah mengambil kira dari pelbagai sudut sebelum mempersetujuinya. Di antaranya adalah mengambil kira faedah nilai tambah yang akan diperoleh daripada perolehan ini kepada Kementerian dan Negara seperti peningkatan keupayaan industri pertahanan negara, program pemindahan teknologi, program pengukuhan ekonomi, program *direct* dan *indirect offset*, perolehan hak harta intelek (IPR) oleh DEFTECH dan lain-lain lagi. Harga ini juga turut mengambil kira kos pembinaan fasiliti baru, pembelian peralatan bagi membangunkan kenderaan, pengambilan tenaga kerja oleh DEFTECH dan lain-lain lagi.

SOALAN NO. 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN JOHN A/L FERNANDEZ (SEREMBAN)

TARIKH 15 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

YB Tuan John A/L Fernandez (Seremban) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan status penggunaan Bantuan Segera Ahli Parlimen, Skim Bantuan Persekutuan bagi kawasan Parlimen Seremban tahun 2008 hingga 2010:-

- (a) pihak manakah yang dimandatkan oleh Kementerian untuk mengendalikan peruntukan kebajikan segera ini; dan
- (b) berikan senarai nama yang telah menerima bantuan kebajikan segera ini dalam tempoh 2008-2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyediakan Skim Bantuan Segera Persekutuan Bagi Kawasan Parlimen sebagai langkah memberi bantuan segera secara sekaligus kepada enam (6) kumpulan sasar yang memerlukan seperti berikut:

- i. Pesakit Kronik dengan kadar RM500.00,
- ii. Mangsa bencana/kemalangan dengan kadar RM200.00,
- iii. Kematian dengan kadar RM300.00,
- iv. Terdampar dengan kadar RM200.00,

- v. Membaiki rumah akibat bencana alam dengan kadar RM500.00, dan
- vi. Orang Miskin dengan kadar RM200.00.

Peruntukan bagi Skim Bantuan ini dipertanggungjawabkan kepada Pengurus Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Parliment Seremban bagi mengendalikan peruntukan tersebut mengikut garis panduan yang disediakan oleh Kementerian.

Skim Bantuan Segera Persekutuan Kawasan Parliment Seremban hanya mula disalurkan mulai tahun 2010 dengan peruntukan berjumlah RM20,000 setahun. Sepanjang tahun 2010, sebanyak 200 kes telah mendapat manfaat daripada skim tersebut.

Skim bantuan ini diberikan kepada kumpulan sasar yang ditetapkan mengikut garis panduan yang disediakan oleh Kementerian.

No. Soalan :

**PEMBERITA
HUAN
PERTANYAA
N BAGI
JAWAB
PERTANYAAN
LISAN
DEWAN
DARI RAKYAT**

JAWAB LISAN

**TUAN SALLEH BIN KALBI
[SILAM]**

TARIKH

15 Mac 2011

SOALAN

**Meminta YB MENTERI LUAR
NEGERI menyatakan berapakah jumlah harta tanah milik Kerajaan di luar negara serta berapakah kos yang perlu ditanggung oleh Kerajaan untuk menyelenggarakan harta tanah ini.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat Silam di atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sehingga kini jumlah hartanah Kerajaan Malaysia di luar negara yang diselia oleh Kementerian Luar Negeri dianggarkan bernilai RM3 billion yang merangkumi 34 Bangunan Canseri, 33 Kediaman Rasmi, 228 unit Apartmen dan 7 plot tanah. Kebanyakan bangunan sedia ada telah dibeli lebih dari 20 tahun. Pembaikan, ubahsuai dan rawatselia perlu dibuat dari semasa ke semasa agar bangunan milik Kerajaan Malaysia di luar negeri dapat dijaga dengan rapi sepetimana arahan YAB Perdana Menteri dan seterusnya menjaga imej Kerajaan Malaysia di luar negeri.

Bagi tempoh 2006 - 2010, sejumlah RM60.71 juta telah dibelanjakan bagi penyelenggaraan hartanah Kerajaan di luar negara.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 42

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON
(IPOH BARAT)

TARIKH : 15.03.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [IPOH BARAT] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah yang menyebabkan Kerajaan masih ingin menggunakan Novel Interlok bagi tingkatan 5.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil tindakan sewajarnya berkaitan isu novel Interlok dalam Komponen Sastera Bahasa Melayu Tingkatan 5 bagi Zon 2 (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu penal bebas yang telah ditubuhkan oleh Kementerian sedang meneliti dan mengkaji kandungan novel tersebut dan pengumuman akan dibuat setelah kajian terhadap novel ini selesai.

No: 43

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA	DATO' ISMAIL BIN KASSIM [ARAU]
TARIKH	15 MAC 2011 (SELASA)
SOALAN	43

Dato' Ismail Bin Kassim [Arau] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah Kerajaan ada cadangan untuk menaiktaraf Stesen Keretapi Arau, Perlis memandangkan ianya akan menjadi salah satu daripada gerbang utama kepada negara ini di sebelah utara setelah projek landasan berkembar siap sepenuhnya, dan bagaimana ianya dapat memberi manfaat kepada rakyat negeri Perlis memandangkan ianya akan menjadi nadi penghubung utama jalinan kereta api di utara Semenanjung.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, melalui pembinaan Projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar ini, stesen keretapi lama di Bandar Arau akan digantikan dengan sebuah stesen baru. Stesen baru tersebut sedang dalam pembinaan dan terletak sejauh 260 meter dari lokasi stesen lama tersebut. Stesen ini merupakan stesen utama (*major*) di negeri Perlis dimana ia dilengkapi dengan semua kemudahan untuk operasi tren serta dapat memberi keselesaan kepada pengguna. Kos pembinaan stesen ini adalah RM16 juta dan dijangka dapat menampung penumpang berjumlah 427,000 setahun (420 penumpang pada satu-

satu masa)

Sehingga 15 Februari 2011, pembinaan stesen telahpun mencapai 8% dan dijangka siap dan pada bulan Disember 2013. Buat masa ini, kerja-kerja tanah serta pembinaan platform stesen sedang giat dijalankan di tapak. Kemudahan-kemudahan yang disediakan adalah merangkumi tempat menunggu berhawa dingin, fasiliti Orang Kurang Upaya (OKU), tempat letak kereta serta platform berbumbung yang mana pasti akan memberi manfaat yang besar kepada rakyat Negeri Perlis apabila ianya siap kelak.

Dari segi rekabentuk, stesen Arau yang baru ini menerapkan ciri tradisional Islam 'Moorish' seperti gerbang 'arch'. Ciri-ciri rekabentuk ini juga akan menjadi tarikan pelancong dari luar dan dalam negeri untuk berkunjung dan secara tidak langsung akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi Negeri Perlis. Dengan adanya stesen ini juga akan memudahkan rakyat untuk ke destinasi utara atau ke selatan dengan pelbagai perkhidmatan yang akan disediakan oleh KTMB setelah Projek Landasan Berkembar ini siap dilaksanakan.

No. Soalan : 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN SIM TONG HIM
TARIKH	15 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta PERDANA MENTERI menyatakan

- (a) jumlah aduan diterima oleh Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) melalui SMS dan HOTLINE dari tahun 2005 hingga tahun 2010 dan di antaranya berapa aduan telah diambil tindakan; dan

- (b) diantaranya berapa aduan yang telah diambil tindakan, berapa buah syarikat dan bilangan orang pemandu yang telah dihadapkan ke mahkamah.

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMEP NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2005 sehingga Disember 2010 keseluruhan jumlah aduan yang direkodkan di bawah bidang kuasa LPKP yang diterima melalui surat, e-mail, faks, sms, datang sendiri dan melalui panggilan *hotline* adalah sebanyak 25,529 aduan dan jumlah kes yang telah diselesaikan adalah sebanyak 17,571 kes.

Aduan yang diterima melalui sms dan *hotline* mula direkodkan secara berasingan mulai bulan Jan 2010. Bagi tempoh tersebut iaitu dari Januari 2010 sehingga Disember 2010 jumlah aduan yang diterima melalui *hotline* sahaja adalah sebanyak 8,440 kes.

Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,583 kes adalah kes yang boleh diambil tindakan di bawah bidang kuasa LPKP. Kes-kes tersebut adalah seperti teksi tidak menggunakan meter, mengenakan tambang lebih, gagal menghantar penumpang, enggan mengambil penumpang, bas tidak mengikut jadual dan laluan yang ditetapkan dan tata kelakuan pemandu.

Statistik hotline menunjukkan sebanyak 6,857 kes melibatkan bidang kuasa PDRM, JPJ dan Jabatan Alam Sekitar iaitu kebanyakannya aduan yang diterima adalah berkaitan memandu laju dan berbahaya serta lain-lain kesalahan lalu lintas seperti memotong dua garisan, tidak berhenti di lampu isyarat, menghalang lalu lintas, asap hitam dan ubah suai kenderaan yang tidak dibenarkan.

Aduan yang diterima melalui sms adalah sebanyak 25,034 kes. Namun tidak kesemua aduan tersebut melibatkan LPKP dimana sebanyak 13,412 kes melibatkan kes PDRM, 2,873 kes melibatkan Jabatan Alam Sekitar, 4,195 kes melibatkan JPJ dan 63 kes melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan dan 2,027 aduan tidak lengkap.

Sebanyak 2,009 kes adalah aduan umum yang dibuat oleh pengadu secara rambang seperti kesemua taxi dan bas di beberapa kawasan tertentu enggan mengambil penumpang, tidak guna meter, mengenakan tambang lebih dan tidak mengikut jadual perjalanan. Setelah dibuat tapisan kes yang boleh diambil tindakan oleh LPKP adalah sebanyak 455 kes dan sebanyak 288 kes berjaya diselesaikan.

Setakat Disember 2010, belum ada kes yang dibawa ke

Soalan No : 45

mahkamah. Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN
(HULU SELANGOR)

TARIKH : 15.03.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN [HULU SELANGOR]
minta Menteri Pelajaran menyatakan ucapan terima kasih kepada YAB Menteri yang
telah mengambil langkah kanan untuk mencari penyelesaian yang munasabah
terhadap novel sastera 'Interlok'. Apakah tindakan yang di rancang oleh Kementerian
supaya masalah seumpama ini dapat di kurangkan atau tidak wujud sama sekali pada
masa yang akan datang

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil tindakan sewajarnya
berkaitan isu novel Interlok dalam Komponen Sastera Bahasa Melayu Tingkatan 5
bagi Zon 2 (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya,
Selangor dan Negeri Sembilan). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu penal
bebas yang telah ditubuhkan oleh Kementerian sedang meneliti dan mengkaji
kandungan novel tersebut dan pengumuman akan dibuat setelah kajian terhadap
novel ini selesai.

Rjm 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

SOALAN NO.46

DARIPADA

**Y.B PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**

TARIKH

15 MAC 2011

SOALAN:

PUAN TERESA KOK SUH SIM minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah Kerajaan mempunyai rancangan reformasi atau transformasi di institusi Parlimen dan SPR. Kenapa Kerajaan enggan mengadakan sistem jawatankuasa (*committee system*) dalam Parlimen kita supaya Ahli Parlimen diberikan tugas untuk membuat keputusan dalam penggubalan dasar Negara.

JAWAPAN :

**Y.B DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk membuat reformasi dan

SOALAN NO.46

transformasi ke atas institusi Parlimen. Berhubung dengan penubuhan sistem jawatankuasa (*committee system*), Kerajaan berpandangan bahawa sistem dan prosedur yang sedia ada adalah memadai bagi Ahli-ahli Yang Berhormat mengemukakan sebarang cadangan dalam membuat keputusan dalam penggubalan dasar negara.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi institusi SPR pula, semenjak merdeka 54 tahun yang lalu, Negara telah mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Dengan kata lain, demokrasi kita demokrasi terpimpin, yang mana kita mempunyai sistem, dasar dan undang-undang yang telah sekian lama digariskan, yang perlu kita ikut dan patuh, untuk memastikan demokrasi dan hak-haknya dilaksanakan mengikut kehendak rakyat terbanyak (the majority), melalui keputusan suara mereka yang diwakilkan atau ‘Wakil Rakyat’ di dalam Parlimen.

Wakil rakyat pula dipilih melalui sistem pilihan raya yang juga telah diasaskan semenjak 54 tahun yang lalu, yang berteraskan kepada tiga prinsip utama seperti berikut:-

- (a) Berasaskan kepada sistem *First Past The Post* ataupun majoriti mudah. Ini bermakna mana-mana calon yang memperoleh undi yang terbanyak akan diisyiharkan sebagai calon yang menang walaupun beliau hanya mendapat kelebihan satu undi mengatasi calon lawannya yang lain.

SOALAN NO.46

- (b) Berasaskan kepada pemilihan seorang perwakilan bagi setiap bahagian pilihan raya (*Single Member Territorial Representation*) sama ada bagi bahagian pilihan raya Parlimen atau bahagian pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN).
- (c) Berasaskan kepada sistem penyertaan pelbagai parti politik dan pihak-pihak yang layak bertanding dalam sesuatu pilihan raya (*Multi Party Electoral System*).

Dalam hal ini perlu disebut bahawa SPR telah membuktikan kewibawaannya melalui pengendalian 12 Pilihan Raya Umum (PRU) semenjak tahun 1959, yang menyaksikan pihak pembangkang telah memenangi 82 daripada 222 kerusi parlimen yang dipertandingkan pada PRU 12; dan 184 Pilihan Raya Kecil semenjak 1962, termasuk 16 Pilihan Raya Kecil semenjak 2008, iaitu 6 bahagian Parlimen dan 10 bahagian DUN, yang mana pihak pembangkang telah memenangi 8 daripadanya.

Sekaligus meyakinkan SPR bahawa sistem pilihan raya yang diguna pakai sekarang adalah sistem yang berwibawa (*credible election*). Ini kerana, keputusan-keputusan pilihan raya telah diterima secara sah (*legitimate*) oleh semua pihak sama ada pihak Kerajaan mahupun pihak pembangkang, yang telah membawa kepada pembentukan kerajaan yang diiktiraf.

SOALAN NO.46

Bagaimanapun ini tidak bermakna tiada ruang untuk melakukan reformasi dan transformasi di dalam sistem yang sedia ada. Bahkan, SPR senantiasa responsif terhadap perubahan-perubahan semasa dengan melakukan proses rekayasa menerusi usaha pengupayaan dan penambahbaikan di dalam pengurusan dan operasinya.demi untuk memperkasakan lagi sistem pilihan raya, sekali gus demokrasi di Malaysia.

Bagaimanapun, sebarang usaha tersebut perlu berpandukan kepada asas Perlembagaan Persekutuan dan Iunas demokrasi Negara.

Di antara yang telah dan senantiasa dilakukan oleh SPR adalah seperti berikut:

SOALAN NO.46

Memperkemaskan Undang-undang, Peraturan-peraturan dan Garis Panduan-garis panduan yang dapat mempertingkatkan lagi kewibawaan (*credibility*) SPR:-

- (i) . **Secara berterusan mengkaji semula dan menambahbaik Undang-undang dan Peraturan-peraturan serta Dasar-dasar Pilihan Raya agar ia sejajar dengan Kehendak-kehendak Demokrasi dan Amalan-amalan yang digunakan di peringkat antarabangsa. Antara Undang-undang dan Peraturan-peraturan serta Dasar-dasar Pilihan Raya yang sedang dikaji semula untuk cadangan penambahbaikan adalah seperti berikut:**
- (ii) **Memperkuatkan sistem penyampaian perkhidmatan Pengurusan Pilihan Raya dengan memberi lebih ruang, peluang dan kemudahan kepada semua lapisan masyarakat dengan mempelbagaikan saluran-saluran pendaftaran dan penyemakan Daftar Pemilih dan juga memperkemaskini pengurusan pengendalian serta penjalanan pilihan raya**
- (iii) **Memperkemas dan memantapkan lagi kawalan kualiti di peringkat *input, through-put* dan**

SOALAN NO.46

output Daftar Pemilih serta fungsi-fungsi Pilihan Raya yang lain agar menjadi lebih mesra pelanggan, mudah, tepat, sahih dan tidak boleh dipertikaikan lagi oleh mana-mana pihak.

B. Mewujudkan lebih banyak program pendidikan dan sosialisasi politik/pilihan raya bersama orang ramai di setiap institusi umum/awam -

- (i) **. Pelaksanaan Program Pendidikan Pengundi dan Penerangan kepada orang ramai** tentang kepentingan bukan sahaja mendaftar sebagai pemilih tetapi juga mendidik mereka tentang prinsip demokrasi yang mendukung asas moral dan integriti dalam pilihan raya.
- (ii) **. Meneruskan dan menambahbaik Program Hari Bertemu Pelanggan** yang diadakan pada setiap bulan di setiap negeri.

C. Menjadi proaktif dan konstruktif kepada aduan dan cadangan:-

- (i) **. Menerima aduan dan kritikan membina daripada orang ramai** kerana ia menjadi panduan dan garis pengukur kepada usaha penambahbaikan perkhidmatan. Dengan ini, tindakan-tindakan pembetulan dapat diambil untuk memantapkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan yang disampaikan oleh

SOALAN NO.46

SPR.

- (ii) . Menerima cadangan-cadangan beras daripada masyarakat yang dapat dijadikan input atau asas kita memperkemaskan lagi tatacara kita untuk meningkatkan lagi keupayaan *delivery system*. Sekian, terima kasih.

SOALAN (47)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

15 MAC 2011 (SELASA)

DARIPADA
A

Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI
MOHAMED SAID [KUALA KRAU]

SOALAN

Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [KUALA KRAU] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah Kerajaan bercadang melarang semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) daripada mengeluarkan permit pemasangan papan tanda dan kain rentang di semua jejantas bagi menjaga keselamatan dan mengelakkan jenayah ke atas pengguna jejantas.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha menjadikan Malaysia antara pusat perdagangan unggul dunia, adalah tidak wajar sekiranya Kerajaan menetapkan terlalu banyak kekangan terhadap aktiviti promosi dan pengiklanan oleh entiti-entiti peniagaan. Namun keselamatan dan kesejahteraan rakyat tetap merupakan agenda paling utama kerajaan.

Oleh yang demikian, Kerajaan telah menetapkan bahawa pemberian kelulusan permit pemasangan iklan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu menepati kriteria yang digariskan dalam Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Garis panduan ini antara lainnya menekankan aspek keselamatan awam, kualiti persekitaran, keselesaan awam, kandungan iklan dan menjamin iklim perniagaan dan pelaburan.

Sekiranya pemasangan sesebuah iklan termasuk juga papan tanda dan kain rentang di jejantas boleh mengancam keselamatan awam dan tidak mematuhi Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar, maka PBT boleh mengambil tindakan

penguatkuasaan yang sewajarnya di bawah Undang-Undang Kecil Iklan masing-masing seperti pembatalan lesen dan menurunkan iklan tersebut.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan
Tempatan Mac 2011
PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN
[PASIR PUTEH]

TARIKH JAWAPAN 15 MAC 2011 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN NO. 48

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AiR menyatakan langkah yang diambil untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi mencapai sasaran setiap rakyat negara ini mendapat bekalan air bersih.

JAWAPAN Tuan

Yang Dipertua,

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Kerajaan melalui setiap Rancangan Malaysia Lima Tahun, sentiasa memberikan tumpuan kepada pelbagai usaha untuk menambah baik pengurusan dan kemudahan asas bagi bekalan air di seluruh negara. Untuk itu, perancangan bagi keperluan bekalan air dibuat dengan kerjasama setiap kerajaan negeri dan pihak berkuasa air negeri masing-masing.

Tuan Yang Dipertua,

Pada Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kementerian saya telah mengesyorkan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) supaya setiap kerajaan negeri membuat pindaan ke atas enakmen air negeri masing-masing dengan memasukkan peruntukan yang membolehkan kawalan dan pengawalseliaan terhadap sumber air dan kawasan tadahan dikuatkuasakan secara sistematik dan berkesan;
- (ii) supaya setiap kerajaan negeri merancang dengan teliti keperluan kemudahan bekalan air bagi membolehkan Kerajaan Persekutuan menimbang dan membuat keputusan yang tepat dalam meluluskan projek-projek bekalan air berdasarkan kepada keutamaan dan permintaan semasa di negeri masing-masing;
- (iii) supaya usaha meningkatkan kecekapan operasi pihak operator air termasuk program mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil (NRW) secara holistik diberikan tumpuan sepanjang Rancangan Malaysia;
- (iv) supaya usaha meneroka sumber-sumber air alternatif seperti air bawah tanah, kolam, tasik, *retention pond* dan lain-lain untuk dijadikan punca air tambahan

dan rizab masa hadapan dicadangkan sebagai projek khas di setiap negeri;

- (v) supaya setiap pihak berkuasa air negeri memperkuuhkan pelan tindakan kecemasan dan langkah-langkah yang perlu diambil semasa kemarau bagi meminimumkan kesulitan pengguna;
- (vi) supaya usaha memupuk kesedaran pengguna bagi menggalakkan penggunaan air secara berhemah dijadikan aktiviti rutin setiap pihak berkuasa air negeri; dan
- (vii) supaya liputan bekalan air terawat di kawasan luar bandar dipertingkatkan dan di naik taraf melalui program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta kerajaan negeri.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan Persekutuan telah mensasarkan supaya setiap negeri mendapat akses kepada bekalan air bersih. Namun begitu, sasaran tersebut tidak akan tercapai tanpa perancangan rapi dan kerjasama setiap kerajaan negeri. Setakat ini, semua negeri telah memberikan kerjasama yang baik dan memahami bahawa kemudahan asas bagi bekalan air ini perlu dilaksanakan secara terancang, berperingkat-peringkat dan berpandukan kepada peruntukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH
[LIMBANG]

SOALAN NO.: 49

TARIKH : 15 MAC 2011

SOREMANYAAN LISAN

Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan dapatkah Kerajaan melaksanakan kerja-kerja 'dredging' muara dan sepanjang Sungai Limbang memandangkan ianya semakin cetek dan boleh menyebabkan pekan Limbang banjir apabila hujan dan air pasang bertembung.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan memang prihatin dengan masalah kecetukan muara Sungai Limbang. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menyiapkan satu rekabentuk untuk kerja-kerja pengorekan di muara Sungai Limbang. Kerja-kerja pengorekan ini akan dilaksanakan sekiranya kelulusan peruntukan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10 *Rolling Plan* Kedua) diperolehi. Kerja-kerja pengorekan yang dicadangkan ini akan mengurangkan kejadian banjir dan masalah pelayaran di muara Sungai Limbang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 15 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

NO. SOALAN: 36

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejak Talent Corporation ditubuhkan untuk menarik warganegara Malaysia profesional, berkebolehan dan berkemahiran tinggi yang berada di luar negeri balik ke Malaysia, apakah pencapaiannya sehingga kini, masalah-masalah dan halangan yang dihadapi dan apakah faedah-faedah yang ditawarkan kepada mereka.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia memahami keperluan untuk membangun dan menarik modal insan berkemahiran tinggi untuk melaksanakan aktiviti kerja bertaraf dunia bagi mentransformasi ekonomi Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi. Bagi tujuan tersebut, Talent Corporation telah ditubuhkan pada bulan Januari tahun 2011.

Talent Corporation kini dalam usaha untuk merangka inisiatif yang dapat membangun modal insan berkemahiran tinggi dari dalam dan luar negara, termasuk diaspora Malaysia. Salah satu program sedia ada, Returning Expert Program (REP) sedang dinilai dan ditambahbaik dari segi insentif dan mekanisme pelaksanaan.

Talent Corporation juga sedang bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen untuk melaksanakan inisiatif polisi baru seperti penyediaan Pas Residen pada April 2011. Pas Residen membolehkan ekspatriat dan rakyat Malaysia yang telah menyerah kewarganegaraan mereka untuk kembali ke Malaysia untuk menetap dan bekerja bagi tempoh 10 tahun.

Selain itu, inisiatif polisi berkaitan kelonggaran kepada pemegang biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam untuk berkhidmat dengan syarikat berkaitan Kerajaan dan syarikat swasta yang lain sebagai membayar balik tempoh kontrak juga merupakan salah satu pendekatan untuk menyokong keperluan modal insan berkemahiran tinggi di bawah program transformasi ekonomi.

NO. AUM

:J&€ NO.

AUP : JTt

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN

[SEPANGGAR]

TARIKH 15 MAC 2011

RUJUKAN 3535

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

SOALAN:

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kesahihan laporan berita tempatan pada 8 Februari 2011 di mana seorang individu yang dilahirkan di Filipina, dibawa ke Sabah pada tahun 1962 dan kini sebagai rakyat Malaysia dan bekas tahanan ISA ditabalkan sebagai “Sultan Sulu”. Adakah ini tidak menggugat keselamatan Negara dan apakah tindakan Kerajaan terhadap perkara ini.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Sepanggar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pihak polis sedang menyiasat laporan terhadap individu tertentu yang mendakwa dirinya sebagai Sultan Sulu.

Kerajaan memandang serius dan akan mengambil tindakan tegas mengikut peruntukan undang-undang sedia ada terhadap individu ini sekiranya terbukti dakwaan tersebut tidak benar.

Soalan No : 52

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE
(SIK)

TARIKH

15.03.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan berlakunya penyelewengan akidah dan bertambahnya kes jenayah di kalangan belia hari ini menunjukkan gagal dan tidak berjaya/berkesan Pendidikan Islam (Agama Islam) di sekolah-sekolah. Apakah tindakan JAKIM untuk mengatasi perkara ini bagi menambah baik lagi keberkesanan P&P Pendidikan Islam di sekolah-sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memastikan pembelajaran dan pengajaran Pendidikan Islam bukan sahaja dipelajari malah dihayati oleh murid-murid Islam. Penekanan juga diberikan terhadap program-program kerohanian dalam menjana pembangunan modal insan yang seimbang. Pengisian program juga turut menjurus kepada persediaan murid berjiwa Islam dan berakhhlak tinggi. Selain daripada program-program kerohanian khas, jadual harian aktiviti murid Islam juga diselitkan dengan unsur-unsur Islam supaya mereka mengamalkan dan menghayati ajaran Islam secara syumul.

SOALAN NO.:

. PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK SIRINGAN BIN GUBAT

KAWASAN RANAU

TARIKH : 15 MAC2011 (SELASA)

SOALAN:

Y.B. DATUK SIRINGAN BIN GUBAT (RANAU) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan bilangan rangkaian jalan yang termasuk dalam RMKe-10 untuk dilaksanakan di kawasan P. 179 Ranau.
Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 4 projek yang telah diluluskan dalam RMKe-10 di bawah Kementerian Kerja Raya melibatkan kawasan P. 179 Ranau, Sabah. Projek-projek tersebut ialah seperti berikut:

- (t) Naik Taraf Jalan Ranau ke Tambunan (Fasa 2A)
sepanjang 33 kilometer, standard piawai JKR R3 berturap dengan anggaran kos RM180 juta;

- (2) Menaik Taraf Jalan Ranau Marakau (Fasa 2: Kinapulidan-Kigiok, Ranau) sepanjang 4 kilometer, standard piawai JKR R3

JAWAPAN

berturap dengan anggaran kos RM25 juta;

- (3) Membina Jalan Kota Marudu-Marak Parak-Melinsau- Poring-Ranau, Sabah. Pelaksanaan projek akan dilaksanakan secara berfasa dan berperingkat-peringkat mengikut peruntukan diluluskan oleh Agensi Pusat. Anggaran kos projek RM160 juta, laitu untuk pelaksanaan Fasa 3B: Menaik Taraf Jalan Togop-Melinsau, standard piawai JKR R3 berturap sepanjang 25 kilometer; dan
- (4) Pembaikan Cerun-Cerun di Jalan Tamparuli ke Ranau, iaitu di KM66.3 dan mereka bentuk 5 cerun lain di KM5, KM7, KM22.5, KM28 dan KM55. Anggaran kos projek keseluruhan ialah sebanyak RM9 juta.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO'
SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG

[BAGAN]

TARIKH 15 MAC 2011

SOALAN

Tuan Lim Guan Eng (Bagan) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan syarikat-syarikat yang memperolehi kontrak pembekalan peralatan perubatan kepada hospital

di Malaysia dengan jumlah kontrak dan tempoh konsesi. Mengapa tender terbuka tidak dijalankan sehingga syarikat antarabangsa yang melabur di Malaysia seperti B Braun tidak diberikan peluang untuk menjual produk mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Perolehan peralatan perubatan dan peralatan pakai buang di Kementerian Kesihatan pada masa ini dibuat secara tender terbuka atau melalui sebutharga. Terdapat juga peralatan perubatan dan peralatan pakai buang yang dibekalkan kepada hospital dan klinik melalui syarikat konsesi. Tempoh konsesi bagi pembekalan ubat dan bukan ubat kepada Kementerian Kesihatan yang sedang berkuatkuasa adalah untuk selama 10 tahun. Di samping itu, perolehan peralatan perubatan dan peralatan pakai buang oleh syarikat konsesi juga diperoleh melalui tender terbuka atau melalui pembekal dan pengilang tempatan tunggal. Berhubung dakwaan bahawa Kementerian ini tidak melaksana tender terbuka dan syarikat B Braun tidak diberi peluang membekal atau menjual produk mereka, dakwaan ini adalah tidak benar. Rekod yang ada di Kementerian Kesihatan menunjukkan bahawa syarikat B. Braun telah mengambil bahagian dalam tender terbuka yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan ada di antara tender tersebut telah berjaya ditawarkan kepada syarikat B. Braun.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG

[BUKIT BENDERA]

NO. SOALAN: 36

TARIKH 15 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta PERDANA MENTERI menyatakan kesemua penasihat dan pegawai yang diupah oleh Jabatan Perdana Menteri dan di bawah Butiran Senarai Penjawatan 2011, apakah jawatan-jawatan tersebut dibekalkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Seramai 27 orang pegawai telah dilantik sebagai Penasihat yang berkhidmat di pelbagai agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri. Daripada jumlah tersebut, tiga belas (13) Penasihat diperuntukkan dalam

JAWAPAN:

Senarai Perjawatan 2011, dua belas (12) Penasihat dilantik secara kontrak di bawah peruntukan perkhidmatan dan bekalan manakala dua (2) lagi Penasihat dilantik secara pinjaman daripada syarikat berkaitan Kerajaan (yang upahnya dibayar oleh syarikat berkenaan).

Sekian, terima kasih.

NO. 56

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA YB. PUAN FONG PO KUAN [
BATU GAJAH]

TARIKH JAWAPAN 15 MAC 2011 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN NO. 56

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan sama ada
akan ada kenaikan dan rombakan tarif elektrik dalam jangka masa 6 bulan
ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sebelum Kerajaan membuat keputusan untuk menyemak semula tarif elektrik,
Kerajaan perlu mempertimbangkan kesan kenaikan tarif ke atas pengguna.
Semakan semula tarif elektrik yang dijadualkan pada tahun 2010 telah ditangguhkan
setelah Kerajaan mengambil kira situasi ekonomi negara pada masa tersebut yang
tidak mengizinkan. Hasrat Kerajaan adalah supaya rakyat tidak rasa terbeban
dengan sebarang kenaikan tarif.

Kerajaan pada ketika ini menetapkan supaya gas asli kepada sektor elektrik dikawal pada harga yang disubsidi. Bagi bahan api arang batu pula, ianya tertakluk kepada harga pasaran antarabangsa yang mana ketidaktentuan harga bahan api tersebut mempunyai impak yang signifikan terhadap kos operasi sektor pembekalan elektrik dan seterusnya tarif elektrik pengguna.

Dalam jangka masa 6 bulan ini, sekiranya harga minyak mentah dan bahan api seperti gas dan arang batu meningkat secara mendadak di pasaran dunia, Kerajaan akan melaksanakan kajian terperinci terlebih dahulu sebelum kenaikan tarif elektrik dilaksanakan. Ingin saya tegaskan di sini bahawa Kerajaan akan sentiasa memastikan tarif elektrik yang akan dikenakan adalah berpatutan dan mempunyai "safety net", dengan izin untuk melindungi pengguna, khususnya golongan berpendapatan rendah.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN LIM KIT SIANG
(IPOH TIMUR)

TARIKH : 15.03.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR] minta Menteri Pelajaran menyatakan cara memperbaharui buku-buku teks/kurikulum di sekolah untuk memastikan

Soalan No : 57

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

bahawa pelajar adalah diajar Sejarah yang seimbang dan tidak berat sebelah, yang menggambarkan masyarakat Malaysia yang berbagai kaum, budaya dan agama.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melantik Jawatankuasa Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah sekolah menengah untuk mengkaji dan meneliti aspek atau elemen penghayatan dan pengamalan hubungan serta keharmonian kaum. Dapatan tersebut menjadi panduan kepada KPM bagi menyediakan Penulisan Buku Teks Sejarah pada masa akan datang.

Selain itu, KPM juga sedang dalam rangka melaksanakan transformasi kurikulum. Sehubungan itu, kurikulum Sejarah sedang dirangka dan digubal dengan teliti bersesuaian dengan hasrat Kerajaan untuk melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan, penghayatan dan pemahaman sejarah tanah air yang menyeluruh dan mantap serta mempunyai semangat patriotik yang tinggi.

Fakta sejarah sedia ada yang dikemukakan dalam kandungan Sukatan Pelajaran mata pelajaran Sejarah memaparkan peristiwa sejarah tanah air yang sebenarnya dalam konteks melahirkan warganegara yang bangga akan warisan sejarah mereka dan seterusnya mengekalkan kemerdekaan dan kedaulatan negara. Fakta-fakta sejarah yang dikemukakan mencerminkan usaha pelbagai kaum yang diterajui dan diwakili oleh tokoh-tokoh tertentu untuk memperjuangkan kelangsungan negara kita. Fokus yang menjurus kepada peranan tokoh tertentu tidak lagi diberikan penekanan kerana hasil akhir pembelajaran adalah untuk memupuk dan memperkuatkan semangat setia negara dan jati diri sebagai warganegara Malaysia.

Rjm 20

SOALAN NO: 58

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN**

JAWAB LISAN

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]

15 MAC 2011 (SELASA)

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

menyatakan tahap pencapaian objektif Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) untuk meningkatkan taraf hidup sosio-ekonomi penanam nanas di Batu 18, Jalan Ayer Hitam, Parit Yusof, Muar sehingga melepassi sekurang-kurangnya 2 kali ganda daripada piawai garis kemiskinan pada tahun 2010 serta nyatakan jumlah peruntukan yang diberi dan senaraikan bilangan penanam nanas yang telah berjaya melepassi belenggu kemiskinan.

JAWAPAN OLEH

**Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Secara amnya, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia menganggarkan 50% iaitu seramai 49 daripada 98 orang pekebun di Batu 18, Jalan Ayer Hitam, Parit Yusuf, Muar yang menyertai skim penanaman nanas di bawah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia ini telah memperolehi pendapatan melepassi 2 kali ganda (atau lebih RM1,400/bulan) daripada garis kemiskinan yang telah ditetapkan.

Peruntukan berjumlah RM247,200 telah disalurkan bagi skim Rancangan Tanam Baru Nanas bagi kawasan seluas 41.7 hektar, manakala peruntukan berjumlah RM53,900 disalurkan bagi Skim Rancangan Tanam Semula yang melibatkan kawasan penanaman nanas seluas 32.1 hektar.

NO. AUM : 52

NO. AUP : T*)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]

TARIKH 15 MAC 2011

RUJUKAN 3369

SOALAN:

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap pegawai polis yang terlibat dalam Laporan Polis No. Sg Maong/ 003253/08 bertarikh 21-8-2008 dan No. Sekama/007339/08 bertarikh 21-8-2008 di mana pegawai polis tersebut telah mengugut beberapa orang wanita dengan pistolnya tanpa alasan yang munasabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bandar Kuching yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi laporan Polis No. Sg Maong/ 003253/08 bertarikh 21 Ogos 2008, pada jam lebih kurang 7:40 malam, pengadu bernama Lin Hui Hoon telah membuat aduan semasa sedang memandu kereta bernombor pendaftaran QKV 1867 di bulatan Batu Tiga, Jalan Kuching / Serian dan telah berhenti di bulatan tersebut, tiba-tiba datang sebuah kereta nombor pendaftaran QSH 4987 jenis Perodua Kancil dari arah belakang lalu terus langgar di bahagian tepi kiri ‘bumper’ kereta pengadu.

Pemandu kereta Perodua Kancil tersebut telah keluar dari kereta lalu mengetuk pintu kereta pengadu. Pengadu juga keluar dari kereta untuk berbincang tetapi lelaki tersebut telah mengeluarkan pistolnya lalu mengacu ke arah pengadu dan mengugut untuk membunuh pengadu. Lelaki itu kemudian bertindak memukul kepala pengadu dengan pistol hingga menyebabkan kepala pengadu berdarah. Lelaki tersebut juga telah memukul, menendang dan menarik rantai leher pengadu dan menyebabkan lehernya tercedera. Kes ini telah disiasat bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan kerana membuat ugutan

bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan kerana membuat ugutan jenayah dan Seksyen 324 Kanun Keseksaan kerana sengaja mendatangkan cedera dengan sejahtera.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bagi laporan no. Sekama/007339/08 bertarikh 21 Ogos 2008, pada jam lebih kurang 8:00 malam, pengadu bernama Lim Mang Ching (P) semasa sedang memandu sebuah kereta nombor pendaftaran QAK 8866 di Jalan Stuong, Kuching telah dilanggar oleh sebuah kereta nombor pendaftaran QSH 4978 jenis Perodua Kancil dari sebelah kanan dan kemudian kereta tersebut terus memecut. Pengadu kemudian telah mengejar kereta tersebut.

Tetapi apabila sampai di kawasan pintu masuk Flat Tambun Jaya, seorang lelaki telah keluar dari kereta Kancil tersebut dan mengetuk cermin tingkap kereta pengadu dengan sepucuk pistol. Lelaki tersebut juga telah menendang pintu kereta pengadu serta menunjukkan isyarat penumbuk ke arah pengadu. Pengadu menjadi takut lalu terus beredar dari situ. Kes ini telah disiasat di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan kerana melakukan Ugutan Jenayah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dalam kedua-dua kes yang telah dinyatakan, suspek adalah merupakan orang yang sama iaitu seorang anggota polis. Walau bagaimanapun, siasatan ke atas kedua-dua kes tersebut telahpun selesai dan kertas siasatan akan diedarkan kepada Ketua Unit Pendakwaan Sarawak untuk keputusan.

DARIPADA : DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED

[SEPANG]

No: 60

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : Bagi Jawab Lisan

TARIKH : 15 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN 60

Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [Sepang] minta Menteri Pengangkutan menyatakan tahap pembangunan projek LCCT 2 pada ketika ini dan bilakah ia dijangka dapat mula digunakan, apakah perancangan Kerajaan untuk memudahkan perjalanan pengguna lapangan terbang tersebut supaya masalah pengangkutan yang berlaku di LCCT sedia ada dapat diatasi sepenuhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Status kemajuan Projek Pembangunan *Low Cost Carrier Terminal* (KLIA 2) sehingga 1 Mac 2011 ialah 28.85% (sebenar) berbanding 29.15% (jadual), yang mana kelewatan -0.3%. Kelewatan projek adalah berpunca daripada keadaan cuaca yang tidak menentu serta sumber tenaga buruh yang terhad memandangkan projek mega ini memerlukan jumlah tenaga buruh yang banyak. Projek ini dijadualkan siap pada September 2012 dan dijangka dapat beroperasi pada Oktober 2012.

Bagi memudahkan perjalanan pengguna di KLIA 2, sebuah 'transport hub' akan dibangunkan oleh Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB) berhadapan terminal untuk kemudahan perkhidmatan bas, taxi limousin, penyambungan Express Rail Link (ERL) daripada KLIA 1 ke KLIA 2 dan juga kemudahan tempat letak kereta. Pembinaan 'transport hub' ini telah bermula pada 1 November 2010.

NO. SOALAN : 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ
[SRI GADING]

TARIKH : 15 Mac 2011

SOALAN

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz [Sri Gading] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah Akta Pengurusan Bencana Negara akan dibentangkan di Parlimen.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Pusat yang bersidang pada 2 November 2007 telah bersetuju supaya kerajaan mewujudkan satu Akta Pengurusan Risiko dan Bencana. Majlis Keselamatan Negara bersama Jabatan Peguam Negara telah menyediakan kerangka bagi penggubalan Akta tersebut. Adalah dijangkakan penyediaan draf akan dapat diselesaikan pada Disember 2011 memandangkan draf ini perlu melalui proses penerimaan ahli akademik, pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat madani.

Draf undang-undang ini dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima Parlimen ke-12.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

NO. SOALAN: 36

DARIPADA

DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]

TARIKH

15 MAC 2011

SOALAN

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta PERDANA MENTERI

menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan bercadang untuk melantik pesara tentera sebagai Senator sebagaimana yang diamalkan oleh negara maju; dan
- (b) jenis kemudahan kebajikan para pesara tentera, polis, penjara dan bomba terutama sekali di kalangan pegawai berpendapatan rendah, misalnya pemberian rumah tetap selepas bersara.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Perkara 45 (2) Perlembagaan Persekutuan menjelaskan secara terperinci mereka yang layak dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk menjadi anggota Dewan Negara. Selain memenuhi ciri-ciri yang dinyatakan di dalam Perkara 45 (2), Kerajaan sentiasa memberi

NO. SOALAN:62

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

keutamaan kepada kebolehan, keupayaan, kapasiti serta kesediaan seseorang individu itu untuk terus menabur khidmat kepada negara sebelum nama individu itu dipersembahkan untuk pertimbangan pelantikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai ahli Dewan Negara. Jika sekiranya individu itu merupakan pesara perkhidmatan awam atau pesara pasukan beruniform maka itu adalah secara kebetulan sahaja dan tidak boleh dianggap sebagai mewakili segmen tertentu masyarakat. Seseorang anggota Dewan Negara sentiasa mewakili keseluruhan rakyat negara ini.

b) Bagi menjaga kebajikan pesara Perkhidmatan Awam termasuk pesara tentera, polis, penjara dan bomba, Kerajaan memberikan kemudahan tertentu seperti bayaran pencen bulanan, ganjaran, Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) dan kemudahan perubatan percuma di klinik dan hospital kerajaan. Kemudahan perumahan disediakan semasa pegawai masih berkhidmat sahaja di samping pegawai diberikan kemudahan pinjaman perumahan untuk membeli rumah kediaman.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA
TARIKH

DATO' KAMARUL BAHARIN BIN
ABBAS
(TELOK KEMANG)

PERTANYAAN

LISAN

15.03.2011

Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas (Telok Kemang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- (a) nilai perlepasan cukai yang diberikan kepada Air Asia merupakan 60 peratus bagi pembelian aset (capital expenditure) dari mula beroperasi sehingga tahun 2009; dan
- (b) berapakah jangkaan jumlah perlepasan cukai yang akan diterima oleh Air Asia hingga tahun 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman yang berhormat, kedudukan maklumat percukaian secara spesifik bagi sesuatu syarikat adalah sulit dan dilindungi di bawah peruntukan seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan 1967. Sehubungan dengan itu, nilai perlepasan cukai yang dituntut

dan jangkaan jumlah pelepasan cukai bagi Air Asia Berhad adalah sulit dan tidak boleh dikemukakan.

SOALAN NO:
4^

PERTANYAAN DARIPADA	PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
	LISAN
	YB. TUAN AZAN BIN ISMAIL [INDERA MAHKOTA]
TARIKH	SELASA, 15 MAC 2011
RUJUKAN SOALAN	01 [PR-000-L41834]

Tuan Azan Bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan perlaksanaan rancangan menjadikan Kuala Lumpur sebagai Hub Hiburan Malam boleh membawa kebaikan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Indera Mahkota, rancangan bagi menjadikan Kuala Lumpur sebagai Hub Hiburan Malam adalah merupakan salah satu inisiatif di bawah *National Key Economic Area (NKEA) Pelancongan*. Di bawah EPP 8: *Establishing Dedicated Entertainment Zone*, pertumbuhan dijangkakan dengan mengadakan zon hiburan khusus di lima

(5) buah lokasi yang terpilih iaitu Greater Kuala Lumpur / Klang Valley, Genting Highlands, Pulau Pinang, Langkawi dan Kota Kinabalu.

Pemilihan Kuala Lumpur sebagai salah satu hub hiburan malam akan dapat menjadikan bandar raya Kuala Lumpur lebih menarik dan *vibrant* kepada pelabur asing dan seterusnya membantu meningkatkan pertumbuhan industri hiburan sedia ada.

Sehubungan itu, bagi memastikan perancangan ini membawa kebaikan kepada semua pihak, suatu mekanisme kawalan telah dirangka khusus bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Mekanisme kawalan tersebut telah diperincikan di dalam draf Dasar dan Garis Panduan Hiburan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Susulan itu, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melaksanakan satu program percubaan sebagai kajian di bawah projek Dedicated Entertainment Zones (DEZ), Program Transformasi Ekonomi (ETP) - Pelancongan dengan melanjutkan tempoh masa operasi premis hiburan yang menjadi tumpuan pengunjung khususnya para pelancong di Kuala Lumpur.

Program ini melibatkan lanjutan tempoh masa operasi sehingga pukul 5.00 pagi ke atas premis hiburan di dua kawasan iaitu di Jalan Doraisamy dan SOHO, Mount Kiara untuk tempoh dua bulan (November - Disember 2010). Hasil pelaksanaan program percubaan tersebut mendapati lanjutan tempoh masa operasi bagi aktiviti hiburan sehingga ke pukul 5.00 pagi adalah kurang sesuai. Maka, projek tersebut tidak dilanjutkan.

TARIKH 15 MAC 2011 (SELASA)

DARIPADA : Y.B. TUAN CHOW KON YEOW
[TANJONG]

SOALAN

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan Dewan Undangan Negeri manakah yang belum meluluskan peralihan kuasa menguruskan sisa pepejal dan pembersihan awam kepada Kerajaan Persekutuan dan apakah akibat ketidakiulusan tersebut apabila Akta 672 dikuatkuasakan pada bulan April seperti yang telah diumumkan.

JAWAPAN

SOALAN(65)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Tuan Yang DiPertua,
PERTANYAAN LISAN

Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat Tanjong pada 15 Mac 2011 dan Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan bertarikh 16 Mac 2011 kerana ketiga-tiga soalan ini menyentuh isu yang sama iaitu mengenai pengurusan sisa pepejal.

Dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah Negara yang bersih dan sejahtera, penswastaan sisa pepejal dilaksanakan setelah mengambilkira:

- i) Kelengkapan, tenaga kerja, sumber kewangan dan kepakaran yang terhad pada kebanyakan PBT dalam menguruskan sisa pepejal.
- ii) Selain daripada aspek pengurusan dan penguatkuasaan sisa pepejal di tapak-tapak pelupusan, Kerajaan turut komited untuk mengurangkan penjanaan dan penghasilan sisa isi rumah (peringkat punca). Oleh yang demikian, program kesedaran rakyat melalui program seperti Kempen Kitar Semula, Kempen 3R dan pengasingan sisa pepejal di punca (*separation at source*) adalah amat penting. Memandangkan aspek ini menuntut komitmen dan perhatian yang berterusan agensi pelaksana

maka adalah kurang praktikal sekiranya ia dibebankan kepada PBT yang telah memikul pelbagai tanggungjawab dalam soal pentadbiran tempatan.

- iii) Melalui penswastaan juga, Kerajaan mampu mewujudkan perkongsian pintar (*smart partnership*) dengan syarikat swasta untuk sama-sama meneroka kaedah-kaedah dan teknologi terkini dalam pengurusan dan pelupusan sisa. Aspek pembangunan dan penyelidikan ini amat penting kerana ia merupakan langkah jangka panjang bagi menjamin kaedah pelupusan sisa pepejal negara sentiasa sejajar dengan tahap pembangunan semasa, kos efektif dan mesra alam.
- iv) Ketiadaan perundangan dan dasar berkaitan pengurusan sisa pepejal yang seragam antara negeri-negeri menyebabkan usaha pengurusan sisa pepejal tidak dapat dilakukan dengan bersepadu dan holistik, lantaran meningkatkan kos pengurusan dan kos pengendalian sisa pepejal.

Berdasarkan pertimbangan-pertimbangan di atas, Kerajaan telah membentangkan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) di Parlimen setelah mendapat persetujuan semua wakil Kerajaan Negeri dalam Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan ke 58 pada 22 Jun 2007. Oleh yang demikian, tidak timbul isu bahawa Dewan Undangan Negeri belum meluluskan peralihan kuasa bagi perkara ini.

Penguatkuasaan Akta 672 ini telah dilakukan secara interim di beberapa negeri iaitu WP Kuala Lumpur, Selangor, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Kedah dan Perlis. Dalam tempoh interim ini, urusan pengurusan sisa pepejal masih lagi terletak di bawah PBT dan Kerajaan mendapati terdapat PBT yang tidak berkeupayaan menjelaskan bayaran kepada syarikat konsesi. Maka bagi meringankan beban PBT yang terlibat, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyalurkan bantuan kewangan kepada PBT-PBT yang kurang berkemampuan iaitu yang mempunyai cukai taksiran di

bawah RM10 juta/tahun bagi menjelaskan sebahagian bayaran perkhidmatan kepada syarikat konsesi. Namun

ingin ditegaskan di sini bahawa Kerajaan tidak berhutang sebanyak RM349 juta kepada syarikat konsesi kerana Kerajaan belum lagi menandatangani sebarang perjanjian dengan mana-mana syarikat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) ini dijangka akan dikuatkuasakan di negeri-negeri Semenanjung pada bulan April 2011. Akta ini akan mengambil alih tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan dalam pengurusan sisa pepejal agar segala perancangan dasar, pembangunan fasiliti, pengendalian perkhidmatan dan kawalselia dapat dilaksanakan secara holistik, bersepada dan lebih efektif lagi. Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) pula telah diberikan mandat untuk merealisasikan hasrat ini dengan memastikan syarikat-syarikat konsesi yang dilantik untuk menjalankan perkhidmatan kutipan sisa pepejal domestik dan pembersihan awam menyediakan perkhidmatan yang terbaik dan memenuhi kehendak rakyat.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan
Tempatan Mac 2011

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA

DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
(MARANG)

TARIKH

15 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

66

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang (Marang) minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan sejauh manakah penggunaan AES oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi merekod dan menyaman pesalah trafik secara pantas dan segera tidak membebankan lagi pengguna jalan raya, walhal di bawah sistem lama masih terdapat jutaan saman yang belum dibayar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

AES adalah suatu sistem yang berteknologi tinggi di mana ia berupaya mengesan dan merakam kesalahan lalulintas yang melibatkan pelanggaran lampu isyarat dan memandu melebihi had laju. Maklumat-maklumat kesalahan ini kemudiannya dihantar secara *real time online* ke pusat kawalan AES (*AES control center*). Sistem ini seterusnya akan mengeluarkan notis secara automatik dan dihantar melalui pos berdaftar kepada pemilik kenderaan. Pemilik kenderaan diberikan tempoh 1 bulan daripada tarikh pengeluaran notis untuk mengemukakan maklumat orang yang melakukan kesalahan tersebut kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sekiranya

bukan beliau yang melakukannya. Berdasarkan maklumat daripada pemilik kenderaan, saman akan dikeluarkan oleh pihak JPJ terhadap orang yang melakukan kesalahan tersebut.

Jika pemilik kenderaan tidak memaklumkan kepada JPJ dalam tempoh 1 bulan, maka pemilik kenderaan dianggap telah melakukan kesalahan tersebut seperti mana peruntukan di bawah Seksyen 53(B) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) (Pindaan) 2010.

Seterusnya, mana-mana orang yang menerima saman melalui sistem ini, akan diberikan tempoh selama 3 bulan bagi menyelesaiannya dan mata demerit tidak akan dikenakan sekiranya saman diselesaikan dalam tempoh ini. Sekiranya pesalah memilih untuk tidak menyelesaikan samannya dalam tempoh tersebut, maka mata demerit akan dikenakan secara automatik sepetimana yang diperuntukan di bawah Seksyen 35(8) & 35(8A) APJ (Pindaan) 2010.

AES tidak bertujuan untuk membebankan pengguna jalan raya tetapi lebih berfokus kepada usaha pengurangan kadar kemalangan jalan raya melalui perubahan sikap pemandu. Kawasan pemasangan sistem ini juga akan dilengkapi dengan papan tanda amaran kepada pengguna jalan raya sebelum memasuki kawasan berkenaan. Ini bertujuan untuk memberi amaran awal kepada pengguna jalan raya supaya berhati-hati dan mematuhi peraturan lalu lintas yang ditetapkan.

NO. SOALAN : 67

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN LIANG TECK MENG [
	SIMPANG RENGGAM]
TARIKH	15.03.2011 (SELASA)

TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT [KUALA TERENGGANU] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan bagaimana masalah kekurangan minyak masak boleh berlaku dan cara penyelesaian bagi jangka masa panjang sedang negara merupakan pengeluar minyak masak sawit utama dunia.

JAWAPAN Tuan Yang
Dipertua,

Mulai tahun 2009 Kerajaan telah meningkatkan kuota subsidi minyak masak sebanyak 70,323 matrik tan sebulan yang dikeluarkan oleh 21 pengilang dan 221 pembungkus minyak masak untuk keperluan bekalan di seluruh negara. Jumlah ini adalah mencukupi untuk menampung keperluan domestik semasa.

Walaubagaimanapun, berikutan kenaikan harga minyak mentah (CPO) di pasaran global yang mencecah sehingga RM3.800 per matrik tan, maka timbul spekulasi yang mengatakan kemungkinan harga minyak masak akan naik.

Spekulasi ini menyebabkan berlakunya pembelian panik oleh pengguna dan peniaga kecil di beberapa kawasan dan pasaraya-pasaraya tempatan.

Disamping itu, terdapat pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan menyeludup minyak masak ke keluar negara kerana harga negara ini lebih murah berbanding negara serantau.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan kecekapan pasaran dan bekalan sentiasa mencukupi di pasaran, Kementerian dalam proses mempertingkatkan sistem pengedaran dan penyimpanan barang kawalan. Diantara langkah yang telah diambil ialah mengadakan kerjasama dengan FAMA, FELDA, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi menwujudkan pusat pengedaran dan penyimpanan barang kawalan di seluruh negara mengikut zon bagi dijadikan mini stok sekiranya masalah kekurangan bekalan barang kawalan berulang.

SULIT

No: 68

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

•PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]

TARIKH

15 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN NO. 68

Dato" Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan apakah program bersesuaian yang boleh melayakkan seseorang individu memohon dana belia 1 Malaysia dan siapakah serta apakah serta apakah syarat-syarat kelayakan bagi memohon dana tersebut.

JAWAPAN

Dana Belia 1 Malaysia berjumlah RM20 juta adalah dana yang diperuntukkan dan diuruskan oleh 1 Malaysia Development Berhad (1MDB). Dana ini disediakan untuk memberi peluang kepada belia menyumbang idea dan pandangan serta melaksanakan program/projek yang berkaitan dengan pembangunan belia dan perpaduan. Dana ini terbuka kepada belia berumur 15 hingga 40 tahun, persatuan belia dan NGO yang berdaftar. Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang secara atas talian di <http://www.1mdb.com.my>. Kriteria cadangan program/projek yang hendak dipohon mestilah berkaitan dengan pembangunan belia dan perpaduan serta memberi manfaat kepada komuniti.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM
TARIKH **15 MAC 2011**
SOALAN :

Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah signifikan perlantikan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad untuk meningkatkan semula simpanan tunai FELDA yang dipercayai telah menurun kepada RM1.35 bilion pada 2009 berbanding RM4.08 bilion pada 2004 sedangkan beliau pernah terlibat dalam politik wang.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad sebagai Pengurus FELDA yang baru adalah berdasarkan kepada pengalaman beliau yang luas dalam bidang pentadbiran, pengurusan, kepimpinan dan mempunyai hubungan yang baik dengan masyarakat dan rakyat. Beliau telah dilantik sebagai Pengurus FELDA pada 2 Januari 2011 sehingga 31 Disember 2013.

Adalah tidak benar pelantikan Tan Sri Mohd Isa sebagai Pengurus FELDA akan menjelaskan pasaran saham dan ia tidak ada kaitannya dengan jatuhan naik pasaran saham. Sebagai contohnya, Indeks Komposit (IK) pada 30 Disember 2010 ditutup pada paras 1518.91 mata. IK telah didagangkan dalam jajaran 50 mata pada suku tahun keempat 2010. Pada awal Januari 2011, IK telah dibuka pada paras 1524.53 mata dan ditutup pada paras 1533.42 mata,

meningkat 14.51 mata berbanding pada akhir Disember 2010.

Oleh yang demikian, dakwaan berlakunya kepincangan dalam pasaran saham yang disebabkan pelantikan Pengerusi FELDA adalah tidak berasas dan tidak relevan. Pada masa ini, tiada anak-anak syarikat FELDA yang tersenarai dalam pasaran saham. Walaupun begitu, rakan perniagaan FELDA terus memberi sokongan kepada aktiviti perniagaan FELDA dan pasaran komoditi FELDA terus kukuh dan terus mendapat sokongan tanpa prejudis. Nama baik FELDA sedikit pun tidak terjejas berikutan perlantikan ini. Rakan-rakan niaga FELDA dalam dan luar negara seperti Pakistan, India, Singapura, Mesir, Perancis, China, Hong Kong, Sri Lanka, Bangladesh dan Afrika Selatan terus memberi sokongan.

Secara keseluruhan, pelantikan Pengerusi FELDA yang baru tiada berkaitan dengan pasaran saham. Pandangan oleh pihak yang berkenaan adalah tidak tepat dan tidak relevan. Berkenaan dakwaan beliau terlibat dalam politik wang, Tan Sri Isa tidak terlibat dalam perkara tersebut sebagaimana didakwa tetapi beliau telah dihukum kerana melanggar peraturan parti.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MANIC KAV AS AG AM A/L SUNDARAM
(KAPAR)
TARIKH : 15.03.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN M AN IC KAVAS AG AM A/L SUNDARAM [KAPAR] minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab keengganan Kementerian untuk menarik balik penggunaan buku Interlok di sekolah dan adakah Kerajaan menggunakan buku ini untuk memecah-belahan masyarakat India untuk kepentingan politik.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil tindakan sewajarnya berkaitan isu novel Interlok dalam Komponen Sastera Bahasa Melayu Tingkatan 5 bagi Zon 2 (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu penal bebas yang telah ditubuhkan oleh Kementerian sedang meneliti dan mengkaji kandungan novel tersebut dan pengumuman akan dibuat setelah kajian terhadap novel ini selesai.

Rjm 24

Swldn n

SJ.B/(22)

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

**DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI
HAMZAH (JASIN)**

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

15.03.2011

Datuk Wira Ahmad Bin Haji Hamzah (Jasin) minta

MENTERIKEWANGAN menyatakan:

- a) jumlah nilai hutang isi rumah terkini dan peratusnya berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara; dan
- b) adakah Bank Negara Malaysia (BNM) menetapkan sebarang sasaran maksimum peratusan hutang isi rumah dan pendekatan yang bakal diambil jika kedudukan hutang isi rumah di luar negara.

dan

SJ.B/(74)

DARIPADA TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA

(BACHOK)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 04.04.2011

1



A handwritten signature consisting of a stylized 'L' shape and a vertical line ending in a flourish, followed by the number '15/3'.

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa (Bachok) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah drastik yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kadar hutang isi rumah yang dicatatkan paling tinggi di Asia sepetimana yang didedahkan oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh YB Jasin yang dijadualkan pada hari ini bersama pertanyaan YB Bachok yang dijadualkan pada 4 April 2011, memandangkan kedua- dua pertanyaan tersebut menyentuh perkara yang hampir sama.

2. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, nisbah hutang isi rumah kepada KDNK kekal stabil pada 75.9% pada tahun 2010 (2009: 76%). Jumlah hutang isi rumah tersebut adalah tertumpu pada pinjaman bercagar seperti pembelian rumah kediaman dan kenderaan. Pada masa yang sama, tahap keupayaan bayar balik hutang sektor isi rumah kekal kukuh. Ini adalah kerana aset kewangan isi rumah yang terdiri antaranya daripada deposit, saham unit amanah dan pegangan ekuiti, telah berkembang sebanyak 13.1% pada tahun 2010, serta melebihi jumlah hutang isi rumah sebanyak 2.38 kali (2009: 2.37 kali). Aset cair isi rumah yang merangkumi 65% daripada jumlah aset kewangan isi rumah juga kekal mencukupi, dengan nisbah aset cair kepada jumlah hutang isi rumah berada pada tahap selesa iaitu 153.9% (2009: 150.9%).

3. Pada tahun 2010, pinjaman tak berbayar (NPL) sektor isi rumah dengan sistem perbankan kekal rendah pada RM11.2 bilion atau 2.0% (2009: RM13.3 bilion; 1.8%), walaupun semasa berlakunya kelembapan ekonomi. Ini menunjukkan bahawa kualiti hutang isi rumah sepanjang tahun 2010 bertambah baik. Pada masa kini, Kerajaan tidak menetapkan sebarang sasaran maksimum peratusan hutang isi rumah. 1

Tuan Yang di-Pertua,

4. Di samping itu, Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (Central Credit Reference Information System, CCRIS) memberikan maklumat kredit yang kritikal kepada institusi-institusi perbankan untuk menilai keupayaan dan kapasiti isi rumah untuk membayar balik hutang sebelum sesuatu pinjaman diluluskan.
5. Penetapan standard pemberian pinjaman yang lebih bertanggungjawab terhadap institusi-institusi perbankan juga telah dilaksanakan dengan menggalakkan amalan yang lebih konsisten dalam penilaian kapasiti individu untuk membayar balik hutang sebelum kemudahan pembiayaan tersebut diberikan serta memastikan produk kewangan yang ditawarkan menepati keperluan mereka.
6. Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) yang diperkenalkan pada 19 Januari 2011 pula bertujuan untuk meningkatkan tahap celik kewangan di kalangan isi rumah dan menggalakkan pengurusan kewangan dan tahap keberhutangan yang berhemah.
7. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah ditubuhkan sejak tahun 2006 dengan objektif untuk secara proaktif memastikan sektor isi rumah terus berdaya tahan dengan menyediakan saluran bagi peminjam individu dan bakal peminjam mendapatkan nasihat dan bantuan berhubung dengan pengurusan kredit.
8. Arah aliran dan perkembangan sektor isi rumah akan sentiasa dipantau dan Kerajaan akan mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan tahap keberhutangan isi rumah berada pada tahap yang berpatutan dan keupayaan bayar balik hutang kekal teguh.

NO. AUP

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

1

DARIPADA DATO' DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN [BESUT]

JAWAPAN:

TARIKH 15 MAC 2011

RUJUKAN 3372

SOALAN:

Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin [Besut] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan faktor-faktor berlakunya kehilangan kanak- kanak dan remaja ketika ini. Adakah kehilangan mereka ini ada kaitannya dengan sindiket Pemerdagangan Manusia.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Besut yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kerajaan memandang serius terhadap isu orang hilang ini dimana kes orang

JAWAPAN:

hilang ini pada masa kini terlalu banyak diperkatakan. Namun demikian, berdasarkan rekod dan statistik daripada pihak PDRM, belum ada statistik ataupun laporan polis berhubung dengan kehilangan kanak-kanak dan remaja yang dikaitkan dengan sindiket pemerdagangan manusia dan dijadikan sebagai mangsa pemerdagangan orang ataupun yang menjadi mangsa penyeludupan.

Pihak PDRM masih mengenal pasti punca-punca orang hilang ini dan sekiranya berlaku kejadian seperti yang didakwa, Kerajaan tidak akan memandang remeh terhadap perkara ini dan tindakan yang sewajarnya akan diambil bagi memastikan penjenayah menerima hukuman yang setimpal atas kesalahan yang dilakukannya.

Soalan No : 73

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA :Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN
(PADANG SERAI)

TARIKH : 15.03.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN [PADANG SERAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah novel Interlok akan ditarik balik dari penggunaannya di sekolah-sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil tindakan sewajarnya berkaitan isu novel Interlok dalam Komponen Sastera Bahasa Melayu Tingkatan 5 bagi Zon 2 (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu penal bebas yang telah ditubuhkan oleh Kementerian sedang meneliti dan mengkaji kandungan novel tersebut dan pengumuman akan dibuat setelah kajian terhadap novel ini selesai.

Rjm 25

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : TUANCHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 15MAC 2011

SOALAN

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM

SOALAN NO.74

SEKITAR menyatakan apakah projek-projek Kerajaan Persekutuan untuk mengatasi masalah suhu iklim dan apakah langkah-langkah untuk menurunkan 40 peratus emisyen karbon seperti yang dicadangkan oleh YAB. Perdana Menteri kepada Kyoto Protocol.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani isu perubahan iklim secara bersepadu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menyediakan Dasar Perubahan Iklim Negara. Dasar ini digubal bagi mengarusperdanakan usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh pelbagai kementerian dan agensi dalam mengambil tindakan menangani isu perubahan iklim.

Sebagai langkah permulaan, usaha pengurangan pelepasan gas rumah hijau (greenhouse gases - GHG) secara sukarela berdasarkan intensiti karbon sehingga 40% menjelang tahun 2020 berbanding tahun 2005 akan meliputi tiga program sahaja iaitu, Kecekapan Penggunaan Tenaga (Energy Efficiency), Tenaga Boleh Diperbaharui (Renewable Energy) dan Pengurusan Sisa Pepejal. Ini memandangkan program-program berkenaan telah pun mempunyai objektif, perancangan dan pelaksanaan yang selaras dengan inisiatif mengurangkan pelepasan karbon.

Antara langkah dan projek yang telah diambil untuk mencapai matlamat tersebut termasuk:

- (i) Pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Diperbaharui (Renewable Energy Policy and Action Plan - REPAP)

REPAP dirangka untuk memacu pembangunan industri Tenaga Boleh Diperbaharui (Renewable Energy - RE) dalam negara dengan lebih agresif supaya menjadi lebih mampan dan berdaya maju. Antara inisitif di bawah REPAP adalah mewujudkan Pelaksanaan Mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT). FiT akan menggalakkan penyertaan pemaju-pemaju tempatan dalam melaksanakan projek-projek penjanaan tenaga dari sumber-sumber RE seperti Tandan Kosong Kelapa Sawit (Empty Fruit Bunch - EFB), sekam padi, bahan buangan kayu dan lain-lain. Ini secara langsung dapat mengurangkan pelepasan GHG yang dihasilkan melalui penjanaan tenaga dari minyak fosil, arang batu dan gas.

(ii) Pelaksanaan Akta Sisa Pepejal Negara

Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 telah menggariskan beberapa aktiviti yang boleh menyumbang kepada pengurangan pelepasan GHG seperti kitar semula dan penggunaan teknologi alternatif seperti kemudahan *material recovery facilities* dan Loji Rawatan Termal (thermal treatment plant). Pengurusan sisa pepejal secara holistik melalui penggunaan tapak pelupusan sanitari juga akan dapat mengurangkan pelepasan gas metana yang terbebas.

(iii) Kempen Menanam 26 Juta Pokok sehingga 2014

Pada 22 April 2010 yang lalu, Kempen Menanam 26 Juta Pokok dengan tema “Hijaukan Bumi: Satu Warga, Satu Pokok” telah dilancarkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar secara serentak di seluruh negara. Usaha pemeliharaan hutan dan penanaman pokok-pokok bagi menambah kawasan hijau akan membantu mengurangkan kepekatan GHG di atmosfera. Pada penghujung kempen ini, iaitu pada tahun 2014, adalah diunjurkan sejumlah 200,000 tan karbon dioksida telah diserap.

Di samping program-program utama seperti yang telah dinyatakan, keluasan hutan negara juga harus dikekalkan pada tahap sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah keluasan tanah negara. Ini untuk menjamin penyerapan dan penyimpanan karbon dioksida secara berterusan. Buat masa sekarang 56.4 % daripada keluasan tanah negara adalah dilitupi oleh hutan.

Sekian, terima kasih.